

**SPM 2025**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

# **Modul Intervensi Pembelajaran**

**BAHASA MELAYU**

Nama : .....

Kelas : .....

**DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU**

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**PANDUAN MENJAWAB SOALAN****BAHAGIAN A - KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN****A Pengenalan**

- Karangan berdasarkan bahan rangsangan atau karangan berpandu memerlukan pelajar menulis karangan berdasarkan bahan yang telah disediakan dan mengembangkan idea berdasarkan maklumat untuk menjadi sebuah karangan yang lengkap.
- Karangan berpandu terdiri daripada dua atau lebih bahan rangsangan seperti rajah, graf, data, ilustrasi kartun, petikan rencana atau berita, puisi, iklan dan sebagainya.
- Hanya satu soalan sahaja yang diajukan dalam Kertas 1 Soalan Bahagian A dan pelajar wajib menjawabnya.
- Sebanyak **30 markah** akan diberikan.
- Panjang karangan ini hendaklah antara **150 patah perkataan** hingga **200 patah perkataan**.
- **KONSEP KARANGAN BAHAGIAN A - WAJIB SENTUH SEMUA BAHAN DAN BERFUNGSI. BUKAN WAJIB HURAI SEMUA ISI ATAU MAKLUMAT.**

**B Kelemahan atau Isu**

- Pengenalan kurang tepat apabila tidak dinyatakan tema dan tugas dengan jelas.
- Idea tidak menepati tema/ tugas.
- Idea tidak diuraikan dengan baik.
- Pemerengganan tidak seimbang.
- Penggunaan ayat yang kurang/ tidak gramatis
- Penulisan fakta yang salah atau kurang tepat.
- Idea dan contoh yang tidak sesuai.
- Kesalahan tatabahasa yang nyata.
- Laras bahasa yang tidak sesuai.
- Kesilapan format karangan.
- Penggunaan penanda wacana kurang/ tidak tepat.
- Tidak mengemukakan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik yang sesuai/ menyatakan peribahasa yang tidak tepat.

**C Jenis-jenis karangan**

<b>Berformat</b>	<b>Tidak berformat</b>
○ Surat rasmi	○ Penjelasan
○ Surat tidak rasmi	○ Perbincangan
○ Syarahan / Ceramah / Ucapan	○ Huraian
○ Perbaesan	○ Ulasan
○ Rencana	○ Saranan
○ Berita	○ Pendapat
○ Laporan	○ Fakta
○ Wawancara / Dialog	○ Gambaran / Keperihalan
○ Resume	
○ E-mel	

**KARANGAN BAHAGIAN B – ESEI RESPON TERBUKA**  
**PANDUAN UMUM**

1. Mengandungi **empat pilihan soalan**. Calon hanya perlu menjawab **satu** soalan sahaja.
2. Karangan mestilah menepati kehendak soalan / tugasannya.
3. Calon perlu mengemukakan tiga atau empat idea yang sesuai.
4. Jumlah perkataan dalam karangan Bahagian B ini **mestilah** antara **350 hingga 500** patah perkataan.
5. Karangan yang tidak akur dengan jumlah patah perkataan akan menyebabkan *impression* menurun dan menjelaskan markah.
6. Karangan cemerlang mestilah menjawab tugasannya di samping menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat, huraihan jelas dan matang, contoh yang sesuai dan berkesan.
7. Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik yang sesuai dengan situasi seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, maksud hadis, terjemahan ayat suci al-Quran dan lain-lain.
8. Karangan mestilah menggunakan gaya bahasa yang menarik dan laras bahasa yang sesuai dengan tugasannya.
9. Keseluruhan karangan mestilah menunjukkan kematangan penulisan calon.
10. Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.

#### **PENGGUNAAN PENANDA WACANA DALAM KARANGAN**

- Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkaian perkataan yang berfungsi untuk menghubungkan sesuatu idea, hujah, dan pandangan seseorang semasa menulis ataupun berucap. Seandainya sesuatu wacana berkenaan tidak mempunyai penanda wacana yang tepat, akan menyebabkan seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai kesatuan dan pertautan yang lengkap.

#### **A. PERENGGAN PENDAHULUAN**

Mulakan karangan dengan kata / frasa berikut;

- a. Akhir-akhir ini,
- b. Sejak belakangan ini,
- c. Marcapada,
- d. Pada masa ini,
- e. Kini,
- f. Dasawarsa ini,
- g. Dewasa ini,

Akhiri pendahuluan dengan **Ayat Tugasan / Fokus** menggunakan frasa / penanda wacana berikut :

- a. Sebenarnya, terdapat pelbagai cara / usaha / kepentingan / kesan .....
- b. Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai cara / usaha / kepentingan / kesan .....
- c. Persoalannya, apakah cara / usaha / kepentingan / kesan .....

**B. PANDUAN MEMULAKAN PERENGGAN IDEA / ISI****Penanda memulakan idea baharu**

- a. Selain itu,
- b. Di samping itu,
- c. Dalam pada itu,
- d. Pada waktu yang sama,

**Penanda wacana huraihan idea karangan**

- a. Hal ini dikatakan demikian kerana ...
- b. Hal ini berlaku demikian kerana ...
- c. Hal ini terjadi kerana ...

**Penanda wacana untuk memberikan contoh dalam karangan**

- a. Misalnya, /Misalannya,
- b. Contohnya, /Sebagai contoh,
- c. Tamsilnya/Sebagai tamsil...

Perkataan yang boleh digunakan untuk menggabungkan dua huraihan dalam satu ayat:  
Contoh: Masalah sosial yang dibincangkan oleh masyarakat ini memang memeningkan kepala (*Huraian 1*) ~ membimbangkan semua pihak. (*Huraian 2*)

- a. malah
- b. malahan
- c. tambahan pula
- d. sementelahan
- e. sekali gus

**Penanda wacana menerangkan huraihan atau pendapat yang berbeza**

- a. Walau bagaimanapun,
- b. Namun demikian,
- c. Daripada perspektif yang berbeza,
- d. Jika dilihat dari sudut lain,

**Frasa untuk memasukkan peribahasa / ungkapan menarik**

- a. ... persis kata peribahasa,
- b. ... persis kata peribahasa Melayu,
- c. ... bak kata peribahasa,
- d. Hal ini menepati peribahasa ...
- e. Senario ini bertepatan dengan peribahasa Melayu,

### Frasa untuk menyatakan statistik

- a. Berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh, sebanyak...
- b. Bukti jelas dan terkini yang berkaitan dengan perkara ini menunjukkan bahawa...
- c. Statistik yang sah lagi tepat telah dikeluarkan oleh Kementerian ..... pada tahun ..... menunjukkan sebanyak...

**Penanda wacana penutup idea ( Ayat Simpul / Ayat Penegas ) bagi setiap perenggan isi:**

- a. Natijahnya,
- b. Kesannya,
- c. Oleh itu,
- d. Memang tidak disangkal / dinafikan bahawa...
- e. Jelaslah bahawa...
- f. Sudah terang lagi bersuluh

### C. PANDUAN MENULIS PERENGGAN PENUTUP

Mulakan ayat perenggan penutup dengan kata berikut;

- a. Kesimpulannya,
- b. Intihanya,
- c. Konklusinya,

**PERIBAHASA BERDASARKAN TEMA DSKP BAHASA MELAYU KSSM****1. KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

- Sudah terhantuk baru tengadah
- Ingat sebelum kena, beringat sebelum habis
- Mencegah lebih baik daripada mengubati
- Sediakan payung sebelum hujan
- Kebersihan sebahagian daripada iman

**2. KESELAMATAN**

- Sudah terhantuk baru tengadah
- Ingat sebelum kena, beringat sebelum habis
- Biar lambat asal selamat
- Mencegah lebih baik daripada mengubati
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

**3. PERPADUAN**

- Bersatu teguh, bercerai roboh
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- Cubit paha kanan, paha kiri terasa sakit

**4. KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**

- Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
- Biar mati anak, jangan mati adat
- Tak basah deh hujan tak lekang dek panas
- Yang lama dikelek yang baharu didukung
- Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

**5. JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

- Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
- Bersatu teguh, bercerai roboh
- Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

**6. SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

- Batu loncatan
- Berfikir di luar kotak
- Inovasi Teras Transformasi

**7. ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

- Alam terbentang dijadikan guru
- Negara Besih, Rakyat Sihat
- Kebersihan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama
- Cintailah Sungai Kita
- Cintailah Alam Sekitar

**8. PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

- Pertanian ialah Perniagaan
- Berbudi pada tanah
- Sekangkang kera
- Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu

**9. EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

- Usaha Tangga Kejayaan
- Hangat-hangat tahi ayam
- Alah membeli, menang memakai
- Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- Gengam bara api biar sampai jadi arang

**10. PELANCONGAN**

- Budi Bahasa Budaya Kita
- Tak kenal maka tak cinta
- Jauh perjalanan, luas pemandangan
- Makan angin

**11. SEJARAH DAN WARISAN**

- Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- Yang lama dikelek yang baharu didukung
- Tak kenal maka tak cinta
- Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

**12. SUKAN DAN REKREASI**

- Badan sihat minda cerdas
- Rakyat Sihat, Negara Maju
- Sukan Pemangkin Perpaduan Negara
- Sukan untuk Semua

**13. PERINDUSTRIAN**

- Buka pintu
- Belilah Barang Tempatan
- Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
- Bak cendawan tumbuh selepas hujan

**14. PENDIDIKAN**

- Terang hati
- Melentur buluh biarlah dari rebungnya
- Hanya jauhari mengenal manikam

**15. BAHASA DAN KESUSASTERAAN**

- Bahasa Jiwa Bangsa
- Hilang bahasa lenyaplah bangsa
- Bahasa menunjukkan bangsa
- Bahasa ibunda
- Bahasa pasar

**16. KERJAYA**

- Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- Genggam bara api biar sampai jadi arang
- Hati hendak semua jadi
- Kolar putih

**17. INTEGRITI**

- Tumbuk rusuk
- Tidak memandang bulu
- Pilih kasih

**18. PENTADBIRAN DAN POLITIK**

- Tulang belakang
- Bunga bangsa
- Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
- Kepimpinan Melalui Teladan

**Bahagian A**  
**[30 markah]**

Soalan ini **mesti** dijawab.

*Maklumat di bawah menunjukkan maklumat tentang amalan membaca.*

*Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang amalan membaca dalam kalangan masyarakat.*

*Panjangnyauraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



Kuala Lumpur: Hasil kajian mendapati budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat dengan purata membaca sebanyak 24 naskhah pada tahun 2023.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mendapati 57.7 peratus rakyat negara ini gemar membaca di kedai buku dan 24.5 peratus lagi di restoran atau kafe siber.

Seronoknya membaca daripada melepak dan membuang masa

Betul, kerana masa itu emas

Membaca buku menjadi misi  
**Masa lapang pasti terisi**

**Menelaah bahan bacaan dapat menambahkan ilmu dalam pelbagai bidang.**



**Kehendak / tugasas soalan:**

- Calon perlu menghuraikan **faedah / kebaikan / kelebihan / manfaat amalan membaca dalam kalangan masyarakat di Malaysia**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :
  - Bahan 1 - Keratan akhbar tentang isu membaca
  - Bahan 2 - Membaca mengisi masa lapang
  - Bahan 3 - Membaca menambahkan ilmu dalam pelbagai bidang
- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

**Kriteria Karangan Peringkat Cemerlang**

PERINGKAT	KRITERIA
<b>Cemerlang 26-30 (28-30) (26-27)</b>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan / tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>• Huraihan <b>jelas dan matang</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan *ungkapan menarik yang <b>sesuai</b> dan <b>tepat</b></li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b></li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</b></p>

**CONTOH KARANGAN CEMERLANG BAHAGIAN A**

<p>Membaca merupakan aktiviti yang positif. Hasil daripada kajian yang dijalankan, budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia didapati semakin meningkat dengan purata membaca sebanyak 24 naskhah pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, tahap tersebut masih rendah jika dibandingkan dengan budaya membaca masyarakat di negara maju seperti Jepun. Sebenarnya amalan membaca ini wajar diamalkan oleh segenap strata sosial memandangkan budaya membaca mempunyai pelbagai kebaikan.</p> <p style="text-align: right;"><i>(55 patah perkataan )</i></p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyentuh bahan 1</li> <li>- Terdapat perbandingan dengan negara luar – kemajuan</li> <li>- Memasukkan tugasas kebaikan amalan membaca ( ayat terakhir )</li> <li>- Kosa kata luas – strata sosial tiada</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p>
--	---

<p>Mengisi masa lapang merupakan salah satu manfaat amalan membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap individu khasnya pelajar dapat menjadikan aktiviti membaca sebagai hobi apabila mempunyai waktu yang terluang. Sebagai contohnya mereka boleh membaca buku cerita, novel dan buku-buku lain pada hujung minggu. Setiap orang perlu memanfaatkan masa lapang mereka kerana masa itu emas. Jelaslah bahawa amalan membaca dapat memanfaatkan masa lapang setiap individu.</p> <p style="text-align: right;"><i>( 51 patah perkataan )</i></p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyentuh bahan 2</li> <li>- Idea utama dihuraikan</li> <li>- Dimasukkan contoh</li> <li>- Memasukkan ungkapan menarik yang sesuai ( masa itu emas )</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hal ini dikatakan demikian kerana, : kesalahan ejaan( tanda baca )</li> <li>- Sebagai contohnya : kesalahan bahasa</li> </ul>
<p>Selain itu, amalan mulia ini juga dapat meningkatkan ilmu dalam pelbagai bidang pengetahuan. Dengan menelaah sesuatu bahan bacaan sama ada secara bercetak maupun digital, seorang itu memperoleh- pengetahuan baharu ataupun menambahkan pengetahuan sedia ada dalam sesuatu cabang ilmu kerana membaca jambatan ilmu. Tamsilnya, info berkaitan sesuatu perkara dapat diperolehi seperti mengetahui cara menggunakan aplikasi Canva. Tuntasnya, dengan mengamalkan aktiviti membaca, ilmu seseorang itu dapat ditingkatkan.</p> <p style="text-align: right;"><i>( 59 patah perkataan )</i></p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyentuh bahan 3</li> <li>- Idea dihuraikan</li> <li>- Contoh jelas</li> <li>- Ayat gramatis</li> <li>- Ayat bervariasi : Ayat Songsang : dengan mengamalkan aktiviti membaca, ilmu seseorang itu dapat ditingkatkan.</li> <li>- Memasukkan ungkapan menarik yang sesuai ( membaca jambatan ilmu )</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <p>Kesalahan penggunaan perkataan: info – informasi Kesalahan imbuhan : Memperolehi - memperoleh diperolehi – diperoleh</p>
<p>Sudah terang lagi bersuluh bahawa budaya membaca memberikan banyak faedah kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, budaya ini wajar dipupuk dalam diri setiap orang sejak kecil kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Semoga Malaysia akan dapat melahirkan generasi ulul albab dengan meperkasakan budaya membaca dalam kalangan rakyatnya supaya negara ini terus maju dan berkembang pesat dalam pelbagai aspek.</p> <p style="text-align: right;"><i>( 42 patah perkataan )</i></p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai</li> <li>- Sudah terang lagi bersuluh</li> <li>- Memasukkan ungkapan menarik yang sesuai (melentur buluh biarlah dari rebungnya – sejak kecil)</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <p>Tiada</p>
<p><b>PERINGKAT CEMERLANG</b></p> <p>T- Menepati tema</p> <p>I - Relevan, huraian jelas dan matang</p> <p>B - Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis, Kosa kata luas dan tepat, Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai</p> <p>P - Sangat menarik dan berkesan</p>	

### Kriteria Karangan Peringkat Kepujian

PERINGKAT	KRITERIA
<b>Kepujian 20-25 (23-25) (20-22)</b>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan / tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b></li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b></li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b></li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerengganan <b>sesuai</b></li> </ul>

### CONTOH KARANGAN KEPUJIAN BAHAGIAN A

<p>Dewasa ini, kajian mendapati bahawa budaya membaca dalam kalangan masyarakat semakin meningkat dengan purata membaca sebanyak 24 naskah pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Situasi ini jelas membuktikan bahawa telah timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia tentang manfaat membaca dalam kehidupan. Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai manfaat membaca yang diperoleh sekiranya masyarakat menjadikan membaca sebagai amalan. <i>(54 patah perkataan)</i></p> <p>Manfaat utama apabila kita menjadikan membaca sebagai amalan adalah dapat mengelakkan masyarakat membuang masa. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat akan berasa seronok membaca pelbagai jenis buku. Kita tidak sepatutnya membuang masa yang berharga begitu sahaja kerana masa itu emas. Kesannya, masa dapat terisi dengan perkara yang bermanfaat. Namun begitu, masyarakat masa kini tidak suka membaca malah lebih taasub untuk melayari laman sosial setiap hari. Sepatutnya mereka menghabiskan masa dengan membaca kerana banyak faedahnya. Tegasnya, membaca dapat memastikan masyarakat dapat megurangkan masa lepak mereka. <i>( 82 patah perkataan )</i></p> <p>Selain itu, amalan membaca juga dapat menambahkan ilmu dalam pelbagai bidang. Masyarakat dapat mengetahui pelbagai ilmu yang bermanfaat sekiranya sentiasa menelaah bahan bacaan. Segala isu semasa yang berlaku dalam mahupun luar negara sentiasa dalam pengetahuan masyarakat terutamanya golongan remaja dan mengelakkan mereka menjadi seperti katak di bawah tempurung. Masyarakat boleh membaca bahan bacaan yang bermanfaat seperti akhbar, majalah ilmiah mahupun bahan bacaan secara dalam talian.</p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyentuh bahan 1</li> <li>- Memasukkan tugas kebaikan amalan membaca (ayat terakhir)</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada</li> </ul>
--	--

Tegasnya, membaca dapat menambah ilmu kepada masyarakat sekiranya dijadikan amalan dalam kehidupan. <i>( 75 patah perkataan)</i>	akhbar, majalah ilmiah mahupun bahan bacaan secara dalam talian)
Kesimpulannya, terdapat banyak manfaat sekiranya masyarakat menjadikan membaca sebagai amalan. Semoga budaya membaca sebatи dalam diri masyarakat Malaysia dalam melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan. Jom, jadikan membaca sebagai amalan! <i>( 40 patah perkataan )</i>	<b>KELEMAHAN</b> - Tiada
<b>PERINGKAT MEMUASKAN</b>	
T Menepati tema I Relevan, Huraian jelas contoh sesuai B- Ayat gramatis kosa kata luas, Terdapat penggunaan ungkapan menarik P menarik	
<b>KOMEN TAMBAHAN</b> : calon tidak akur bilangan patah perkataan. Idea isi pertama kurang tepat.	

### Kriteria Karangan Peringkat Memuaskan

<b>PERINGKAT</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>Memuaskan</b> <b>15-19</b> (17-19) (15-16)	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan / tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas / terhad</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik</li> <li>• Laras bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• Pemerengganan <b>masih</b> sesuai</li> </ul>

### CONTOH KARANGAN MEMUASKAN BAHAGIAN A

Mutakhir ini, hasil kajian mendapati bahawa budaya membaca dalam kalangan masyarakat semakin meningkat dengan purata membaca sebanyak 24 naskah pada tahun 2023. Amalan ini dapat mengurangkan emosi dalam menjalani kehidupan harian. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian daripada ahli sains memberitahu bahawa dengan membaca buku, fikiran kita akan menjadi tenang dan menstabilkan kadar denyutan jantung. Persoalannya, apakah manfaat amalan membaca dalam kalangan masyarakat? <i>(58 patah perkataan )</i>	<b>KEKUATAN</b> - Menyentuh bahan 1 - Memasukkan tugas kebaikan amalan membaca (ayat terakhir) <b>KELEMAHAN</b> Jumlah perkataan banyak
Terdapat banyak manfaat yang diperoleh sekiranya mengamalkan amalan membaca, antaranya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap buku yang <i>dibeli</i> mempunyai informasi yang berbeza. Sebagai contoh, buku	<b>KELEMAHAN</b> - Huraian umum - Buku yang dibeli, sepatutnya buku yang dibaca, - Surat akhbar – surat khabar

<p>rujukan dan surat <i>akbar</i>. Kesannya, dapat menambahkan maklumat dengan informasi semasa. Tamsilnya, ilmu pengetahuan dapat ditingkatkan dengan membaca buku.</p> <p style="text-align: right;">( 44 patah perkataan )</p>	<p>- /akbar sahaja Tamsilnya – jelaslah, (penggunaan penanda wacana yang kurang tepat)</p>
<p>Selain itu, amalan membaca juga dapat mengurangkan pembaziran masa. Hal ini tercetus kerana masa akan <i>dipenuhi</i> dengan bahan bacaan yang bermanfaat. Walau bagaimanapun amalan ini lebih baik berbanding dengan melepak dan membuang masa. Kesannya, masa akan <i>habis</i> dengan perbuatan yang sia-sia. Jelaslah bahawa amalan membaca dapat mengelakkan pembaziran masa.</p> <p style="text-align: right;">( 46 patah perkataan )</p>	<p><b>KELEMAHAN</b> Kesalahan penggunaan istilah: <i>dipenuhi</i> – diisi, <i>habis</i> – berlalu - Huraian umum, contoh masih sesuai</p>
<p>Akhirulkalam, terdapat banyak manfaat sekiranya mengamalkan amalan membaca. Cadangan saya, pihak yang terbabit boleh mempromosikan amalan ini secara <i>berleluasa</i>. Semoga amalan ini berkekalan, bak kata pepatah alang-alang berdakwat biarlah hitam.</p> <p style="text-align: right;">( 27 patah perkataan )</p>	<p><b>KELEMAHAN</b> - Kesalahan istilah <i>berleluasa</i> - menyeluruh</p>
<p><b>PERINGKAT MEMUASKAN</b></p> <p>T masih menepati tema I masih relevan Huraian masih jelas contoh masih sesuai B- ayat gramatis tetapi penggunaan kosa kata umum, Masih terdapat penggunaan ungkapan menarik P masih menarik</p> <p><b>KOMEN TAMBAHAN :</b> Pemerengganan tidak seimbang, perenggan pendahuluan panjang berbanding perenggan isi/idea dan juga kesimpulan. Calon masih lagi menyentuh semua bahan</p>	

### CONTOH KARANGAN PENGUSAAN MINIMUM BAHAGIAN A

<p>Pada tahun 2023 amalan membaca dalam kalangan masyarakat telah <u>mendapati</u> meningkat sebanyak 82.2 peratus rakyat negara yang suka membaca di kedai buku, di restoran atau kafe siber.</p> <p style="text-align: right;">(25 patah perkataan )</p>	<p><b>KEKUATAN</b> - Menyentuh sebahagian bahan 1</p> <p><b>KELEMAHAN</b> - Terus mengambil ayat dalam bahan tanpa membina ayat sendiri.</p>
<p>Masyarakat pada zaman kini boleh membaca <u>dimana</u> sahaja tempat yang mereka mahu untuk mengisi masa lapang yang mereka miliki. Antara tempat yang sesuai bagi saya untuk membaca ialah di tasik, kafe siber, perpustakaan atau tempat-tempat yang sunyi dan tenang bagi menambah <u>ilmu</u> pengetahuan dan boleh mengkaji dengan <u>lebih dalam</u> lagi bacaan tersebut dalam pelbagai bidang.</p> <p style="text-align: right;">(54 patah perkataan )</p>	<p><b>KELEMAHAN</b> - Kurang menyentuh bahan, huraian kurang jelas - kesalahan ejaan (<i>dimana</i>) - kesalahan bahasa-(lebih dalam), (yang mereka miliki)</p>
<p>Disamping itu, amalan membaca ini juga dapat mengurangkan masa kita daripada bermain gadget dan melepak kerana perbuatan itu <u>sangatlah</u> membuang masa dan tidak berfaedah. Amalan membaca ini juga dapat <u>memperluaskan</u> lagi pemikiran kita dengan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti bidang bahasa, sains dan lain-lain.</p> <p style="text-align: right;">( 44 patah perkataan )</p>	<p><b>KELEMAHAN</b> - Masih menyentuh bahan, huraian idea kurang jelas - kesalahan ejaan (<i>disamping</i>, <i>gadget</i>) - kesalahan imbuhan- (<i>memperluaskan</i>) - Tiada ayat contoh, tiada ayat penegasan</p>
<p>Kita hendaklah meneruskan budaya membaca ini untuk memastika kanak-kanak pada zaman kini tidak <u>lupa</u> akan amalan</p>	<p><b>KEKUATAN</b> - terdapat ayat cadangan</p>

<p>membaca ini kerana kanak-kanak pada abad ini kebanyakannya suka bermain gadjet hingga melupakan <u>akan</u> amalan membaca buku. ( 44 patah perkataan )</p>	<p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kesalahan ejaan yang berulang (gadget), (melupakan), (memastika), (kebanyakannya)</li> <li>- tidak menyentuh semua bahan</li> </ul>
<p><b>PERINGKAT PENGUSAAN MINIMUM</b>  <b>JUMLAH PATAH PERKATAAN: 167</b></p> <p>T - Kurang menepati tema      I - Kurang relevan,huraian kurang jelas      B- Kurang gramatis dari segi kata dan ayat,kesalahan tatabahasa yang ketara, kosa kata terhad.      P- Kurang menarik,wacana kurang lengkap.</p> <p>KOMEN TAMBAHAN :</p>	

## CONTOH KARANGAN BAHAGIAN A

**Bahagian A**

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.*Maklumat di bawah menunjukkan maklumat tentang sungai.**Huraikan pendapat anda tentang sungai di negara kita.**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**PENCEMARAN SUNGAI**

**Bahagian A**  
[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

*Maklumat di bawah menunjukkan maklumat tentang sungai.*

*Huraikan pendapat anda tentang sungai di negara kita.*

*Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

AMPANG: Perbuatan pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah ke Sungai Kerayong menyebabkan penduduk Taman Maju Jaya di sini hidup dalam keadaan tidak selesa apabila tahap pencemaran di sungai berkenaan semakin serius.

Kurang tindakan penguatkuasaan agresif pencemaran Sungai Pinang terus berlaku

**Kehendak / tugasannya soalan:**

- Calon perlu menghuraikan **faktor pencemaran sungai di negara kita**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :
  - Bahan 1 – Keratan akhbar tentang isu pencemaran sungai
  - Bahan 2 – Faktor- Pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam sungai
  - Bahan 3 – Faktor- Kurang tindakan penguatkuasaan
- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

Dewasa ini, sungai negara kita sering dicemari oleh tangan-tangan manusia yang tidak mempunyai rasa tanggungjawab dalam diri. Buktinya, pencemaran yang berlaku di Sungai Kim Kim di Johor dan sungai-sungai di Selangor semakin kronik akibat pencemaran. Persoalannya, apakah **punca-punca pencemaran sungai di negara kita?**

(38 patah perkataan)

Punca utama pencemaran sungai yang berlaku di negara kita disebabkan oleh perbuatan tidak bertanggungjawab **sesetengah masyarakat yang membuang sampah ke dalam sungai** sesuka hati mereka. Tindakan ini akan menyebabkan sungai-sungai akan dicemari dengan sampah sarap seperti sisa domestik, tayar-tayar buruk dan perabot-perabot yang rosak terapung di permukaan air. Sikap tidak bertanggungjawab ini akan menyebabkan masalah pencemaran sungai sukar dibendung dan diatasi. Tegasnya, sikap masyarakat yang suka membuang sampah ke dalam sungai menjadi faktor utama masalah ini.

(68 patah perkataan)

Selain itu, **tindakan kurang agresif daripada pihak berkuasa** juga menjadi punca masalah pencemaran sungai terus berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana penguatkuasaan yang diibaratkan seperti hangat-hangat tahi ayam tidak memberikan kesan terhadap masalah yang kian meruncing ini. Kurangnya tindakan dan pemantauan pihak berkuasa menyebabkan masyarakat tidak berasa gerun atau gentar untuk terus melakukan tindakan yang tidak bertanggungjawab ini. *Sudah terang lagi bersuluh* bahawa tindakan kurang agresif pihak berkuasa menjadi penyebab masalah pencemaran sungai.

(60 patah perkataan)

Kesimpulannya, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan pencemaran sungai. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama agar sungai terus terpelihara daripada pencemaran. Semoga usaha yang diambil membawa hasil demi kepentingan sungai untuk generasi akan datang.

(36 patah perkataan)

**BAHAGIAN A**  
**LATIHAN PENGUKUHAN 1**

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

*Maklumat di bawah menunjukkan maklumat tentang amalan membaca.*

*Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah menggalakkan amalan membaca.*

*Panjangnyauraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



**Kehendak / tugasannya soalan:**

- Calon perlu menghuraikan **langkah / usaha / strategi / cara menggalakkan amalan membaca**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :

**Bahan:**

- Jualan Buku Mesra Poket : Promosi set buku kanak-kanak
  - Rakyat Malaysia membaca sebanyak 15 - 20 buku secara purata setahun
  - Kempen Jom baca bersama 10 minit : 'Baca dan Bahagia' / 'Pembacaan Melestarikan Perpaduan'
- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

## LATIHAN PENGUKUHAN 2

## Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Maklumat di bawah menunjukkan maklumat tentang amalan menabung.**Huraikan pendapat anda tentang amalan menabung dalam kalangan masyarakat.**Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Apakah menabung?**

Menabung ialah menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan

**MENABUNG Untuk Melancong**

**Menabung demi masa depan anak sambung pengajian**

(FOTO HALIM SALLEH/BH)

• Percuma RM500 apabila simpan RM500 dalam SSPN1M

Pakej SSPN1M-i Plus ditawarkan serendah RM30 hingga RM500 dengan pelbagai keistimewaan termasuk perlindungan takaful bermula daripada RM40,000 hingga RM1 juta dan patuh syariah.

**Kehendak / tugasannya soalan:**

- Calon perlu menghuraikan **faedah / kebaikan / kelebihan / manfaat amalan menabung dalam kalangan masyarakat**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :
  - Bahan 1 – Menabung ialah menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan
  - Bahan 2 – Menabung demi masa depan anak menyambung pengajian
  - Bahan 3 – Menabung untuk melancong
- Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

**BAHAGIAN B**  
**[70 markah]**

**Karangan Peringkat Cemerlang**

PERINGKAT	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b> <b>64 – 70</b> <b>(68– 70)</b> <b>(64 – 67)</b>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa <b>amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan berkesan.</li> <li>• Pemerengganan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas</li> </ul>

**Contoh 1**

Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong perlu diadakan secara berterusan kerana aktiviti ini boleh menjadi platform terbaik dalam **mengeratkan silaturahim**. Menurut Menteri Besar Pahang, aktiviti tersebut tidak boleh diadakan secara bermusim dan perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Sumber : *Internet*

Huraikan manfaat yang terdapat dalam petikan dan manfaat-manfaat lain aktiviti tersebut.

**Kehendak / tugas soalan:**

Calon dikehendaki mengemukakan manfaat aktiviti kemasyarakatan dalam petikan dan manfaat lain aktiviti ini.

- Mengeratkan silaturahim ( **idea dalam petikan** )
- Memupuk semangat kerjasama
- Memupuk perpaduan
- Melahirkan nilai toleransi
- Mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah
- Menarik minat pelancong asing

## CONTOH KARANGAN CEMERLANG BAHAGIAN B

## Contoh 2

<p>Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong merupakan wahana yang amat berkesan dalam menyemai nilai-nilai murni dan memupuk jalinan hubungan yang utuh dalam masyarakat berbilang kaum. Tambahan pula, Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa subkomposit kesejahteraan sosial meningkat sebanyak 0.8% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini mencerminkan penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti sosial seperti gotong-royong dan program komuniti. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti sebegini memberikan pelbagai manfaat yang bukan sahaja menyentuh aspek sosial, malah turut memberi implikasi terhadap pembangunan negara secara holistik.</p> <p style="text-align: right;">(74 patah perkataan)</p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ada fakta tentang penglibatan masyarakat dalam aktiviti sosial</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- % tidak dieja</li> </ul>
<p>Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu manfaat aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong termasuklah dapat menjadi platform terbaik dalam mengeratkan silaturahim. Perkara ini ada benarnya kerana dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia, interaksi dan kerjasama antara masyarakat pelbagai latar belakang amat penting bagi memastikan keharmonian dan kestabilan nasional sentiasa terpelihara. Dalam pada itu, mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menegaskan bahawa “perpaduan kaum merupakan asas kejayaan dan kelangsungan negara bangsa.” Sebagai contoh, Program Gotong-Royong Mega Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah berjaya menghimpunkan lebih 10,000 peserta daripada pelbagai kaum pada tahun 2023. Melalui penglibatan bersama dalam aktiviti seperti membersih kawasan awam atau mengecat balai raya, masyarakat dapat mengenali dan memahami budaya antara satu sama lain, sekali gus membina persefahaman dan toleransi. Jelaslah bahawa keberkesanan aktiviti kemasyarakatan ini tidak dapat disangkal lagi dalam merapatkan <i>jurang sosial</i>.</p> <p style="text-align: right;">(117 patah perkataan)</p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea dihuraikan dengan matang, Contoh disokong dengan fakta yang tepat</li> <li>- Kosa kata sangat luas dan tepat (contoh : jurang sosial)</li> </ul>
<p>Selain itu, memegang konsep bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, implikasi positif daripada penglibatan individu dalam aktiviti kemasyarakatan adalah dapat melahirkan individu yang bertanggungjawab serta <i>berjiwa prihatin</i> terhadap kesejahteraan komuniti. Perkara ini dikatakan demikian kerana melalui penyertaan secara aktif, masyarakat akan lebih cakna terhadap aspek kebersihan, keselamatan, dan kelestarian persekitaran. Buktinya, menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kawasan perumahan yang aktif melaksanakan gotong-royong secara berkala merekodkan penurunan kes denggi sebanyak 35% berbanding kawasan yang tidak melaksanakan aktiviti tersebut. Natijahnya, gotong-royong bukan sekadar simbol perpaduan, tetapi turut memberi impak langsung kepada kualiti kehidupan penduduk. Terbuktilah bahawa tanggungjawab menjaga persekitaran bukanlah tanggungjawab pihak berkuasa semata-mata, malah merupakan amanah kolektif seluruh anggota masyarakat.</p> <p style="text-align: right;">(97 patah perkataan)</p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea dihuraikan dengan matang, Contoh disokong dengan fakta yang tepat</li> <li>- Kosa kata sangat luas dan tepat (<i>berjiwa prihatin</i>, kolektif, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat)</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan, iaitu <i>pembentung</i></li> <li>- Kata hubung <i>serta</i></li> </ul>

<p>Akhir sekali, dari sudut pandang ekonomi, pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong turut memberikan impak positif yang amat signifikan, khususnya dalam aspek penjimatan kos penyelenggaraan kawasan awam. Hal ini ada benarnya kerana apabila masyarakat berganding bahu memelihara kebersihan dan keindahan persekitaran, maka kebergantungan terhadap khidmat kontraktor kebersihan swasta serta perbelanjaan operasi pihak berkuasa tempatan dapat dikurangkan secara ketara. Menurut Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tahun 2022, kawasan perumahan yang aktif mengadakan gotong-royong secara konsisten menunjukkan penurunan kos pembersihan sebanyak 28% dalam tempoh setahun. Penjimatan ini secara tidak langsung membolehkan lebihan peruntukan kewangan disalurkan semula kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan komuniti seperti pembinaan taman rekreasi, pemasangan lampu jalan, pemberian sistem saliran moden <i>serta</i> penyelenggaraan kemudahan awam. Intinya, aktiviti gotong-royong wajar diperkasakan kerana manfaatnya melangkaui aspek sosial semata-mata malahan turut mencakupi aspek ekonomi jangka panjang negara.</p> <p style="text-align: right;">( 126 patah perkataan )</p>	<b>KEKUATAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai</li> <li>- Menggunakan idea dalam stimulus</li> <li>- Huraian idea jelas dan matang, contoh sangat sesuai dan disokong dengan fakta</li> <li>- Kosa kata sangat luas dan tepat : <i>mencakupi, konsisten</i></li> </ul> <b>KELEMAHAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 28% sepatutnya 28 peratus.</li> </ul>
<p>Sebagai intinya, aktiviti gotong-royong sememangnya membawa pelbagai manfaat dari segi sosial, pendidikan, ekonomi dan perpaduan nasional. Dalam usaha untuk membina masyarakat madani yang bersatu padu, beretika dan bertanggungjawab, usaha untuk membudayakan aktiviti kemasyarakatan seperti ini seyogia digembbleng oleh semua pihak secara kolektif. Pihak sekolah, pertubuhan bukan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan masyarakat umum harus memainkan peranan proaktif dan tidak bersikap bagi enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing dalam menormalisasikan kegiatan sebegini. Oleh itu, kejayaan sesebuah negara tidak hanya terletak pada kekuatan ekonomi semata-mata tetapi juga pada kesatuan rakyatnya yang saling menyokong antara satu sama lain.</p> <p style="text-align: right;">( 89 patah perkataan )</p>	<b>KEKUATAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesimpulan menepati kaedah KeCaHa.</li> </ul> <b>KELEMAHAN :</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesimpulan agak panjang. Sepatutnya ayat untuk cadangan hanya satu sahaja.</li> <li>- Karangan melebihi 500 patah perkataan</li> <li>- Peribahasa yang dinyatakan kurang menggambarkan situasi.</li> </ul>
<p><b>PERINGKAT CEMERLANG</b></p> <p><b>T</b> menepati tugas  <b>I</b> relevan, huraian jelas dan matang dan contoh sesuai dan terdapat fakta yang dapat memantapkan lagi huraian  <b>B</b> penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. Kosa kata sangat luas dan tepat, terdapat penggunaan ungkapan yang menarik bagi setiap perenggan  <b>P</b> Sangat menarik dan berkesan</p> <p>KOMEN TAMBAHAN :</p>	

### Karangan Peringkat BAIK

PERINGKAT	KRITERIA
<b>BAIK</b>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>masih jelas</b>.</li> <li>• Contoh <b>masih sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca <b>masih betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik</li> <li>• Pemerengganan <b>masih sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>masih lengkap</b>.</li> </ul> <p><b>Laras bahasa sesuai</b> mengikut tugasan</p>
45 – 54	
(50 – 54)	
(45 – 49)	

#### Contoh Soalan

Dalam kehidupan yang semakin mencabar, masalah kenaikan harga barang memerlukan semua rakyat menguruskan perbelanjaan dengan berhemat. Perbelanjaan ini boleh diperaktikkan dengan cara merancang pembelian, membuat perbandingan harga sebelum membeli barang dan menyediakan tabungan khas.

*Sumber : Internet*

Berdasarkan petikan, huraikan cara-cara mempraktikkan perbelanjaan tersebut.

#### Panduan jawapan

#### Kehendak / tugasan soalan:

Calon dikehendaki membincangkan cara-cara mempraktikkan perbelanjaan berhemat yang terdapat dalam petikan.

- Merancang pembelian –perancangan amat penting untuk membuat anggaran belanjawan bagi mengelakkan daripada terbeli barang yang tidak perlu
- Membuat perbandingan harga sebelum membeli barang .
- Menyediakan tabungan khas

**CONTOH 1: KARANGAN PERINGKAT BAIK BAHAGIAN B**

<p>Mutakhir ini, masalah kenaikan harga barang sering menjadi buah mulut dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Hal ini berlaku kerana barang keperluan harian sering mengalami kenaikan harga dari semasa ke semasa dan telah memberi kesan kepada masyarakat di negara ini. Masalah ini boleh diatasi apabila masyarakat menguruskan perbelanjaan harian secara berhemat. Persoalannya, apakah cara-cara untuk mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat? Permasalahan ini akan dirungkaikan demi kepentingan bersama.</p> <p style="text-align: right;">(60 patah perkataan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Komen</li> <li>- Pendahuluan secara umum</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b> tiada</p>
<p>Cara utama untuk mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat ialah masyarakat hendaklah merancang pembelian barang keperluan pada setiap bulan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan merancang pembelian, kos untuk membeli sesuatu barang tidak akan melebihi had yang telah ditetapkan. Contohnya, masyarakat hendaklah menulis senarai barang yang ingin dibeli terlebih dahulu sebelum membeli belah di pasaraya. Kesannya pembaziran akan dapat dielakkan oleh masyarakat. Jelaslah bahawa merancang pembelian merupakan salah satu cara terbaik yang boleh dilakukan untuk mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat.</p> <p style="text-align: right;">(73 patah perkataan)</p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea dinyatakan</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Huraian umum</li> <li>- Tiada ungkapan menarik</li> <li>- Kesalahan ejaan</li> </ul>
<p>Selain merancang pembelian barang keperluan, masyarakat juga boleh menggunakan inisiatif lain seperti membuat perbandingan harga sebagai langkah untuk mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat. Hal ini bertujuan agar pembelian yang dibuat adalah tindakan yang terbaik untuk menjimatkan kos pembelian barang-barang keperluan. Dengan ini, perbelanjaan dapat dilakukan dengan lebih berhemat. Jelaslah bahawa membuat perbandingan harga sebelum melakukan pembelian juga merupakan kaedah yang terbaik untuk mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat.</p> <p style="text-align: right;">(79 patah perkataan)</p>	<p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Huraian idea adalah umum , tiada contoh.</li> </ul>
<p>Seterusnya, setiap individu juga digalakkan untuk memasak sendiri bagi mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat. Hal ini dikatakan demikian agar mempunyai duit lebihan perbelanjaan sekiranya memasak sendiri. Dengan ini, masyarakat boleh mempraktikkan cara ini untuk mengawal perbelanjaan supaya dapat menyimpan sedikit duit. Jelaslah bahawa memasak sendiri merupakan salah satu cara yang terbaik untuk mempraktikkan perbelanjaan secara berhemat dalam kalangan masyarakat.</p> <p style="text-align: right;">(56 patah perkataan)</p>	<p><b>KEKUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai</li> </ul> <p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea luar</li> <li>- Idea tidak berkembang</li> <li>- Kosa kata umum</li> </ul>
<p>Akhirulkalam terdapat pelbagai cara yang boleh dilaksanakan oleh kita untuk berbelanja secara lebih berhemat termasuklah merancang pembelian barang keperluan pada setiap bulan, membuat perbandingan harga sebelum melakukan pembelian dan memasak sendiri. Selain itu, saya mencadangkan agar masyarakat berfikir dahulu sebelum membuat pembelian dan merancang perbelanjaan dengan lebih bijak bagi memastikan kita tidak terbeli barang yang tidak perlu dan berlakunya pembaziran semasa berbelanja. Semoga amalan perbelanjaan secara berhemat ini dapat diperlakukan dan dijadikan konklusi untuk mengatasi masalah ini hingga akar umbi.</p> <p style="text-align: right;">(78 patah perkataan)</p>	<p><b>KELEMAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea diulang semula pada bahagian kesimpulan.</li> <li>- Kesalahan penggunaan kata kerja pasif(dilaksanakan oleh kita)</li> <li>- Kesalahan istilah (konklusi)</li> </ul>

**PERINGKAT BAIK**

- T menepati tugasan  
 I masih relevan  
     Huraian masih jelas dan contoh tidak diberikan secara khusus (huraian umum  
 B- penggunaan pelbagai ayat yang gramatis.  
     Kosa kata umum  
     Masih terdapat penggunaan ungkapan menarik pada perenggan pendahuluan dan kesimpulan  
 P Masih menarik

KOMEN TAMBAHAN :

**SOALAN**

Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong perlu diadakan secara berterusan kerana aktiviti ini boleh menjadi platform terbaik dalam mengeratkan silaturahim. Menurut Menteri Besar Pahang, aktiviti tersebut tidak boleh diadakan secara bermusim dan perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Sumber : *Internet*

Huraikan manfaat yang terdapat dalam petikan dan manfaat-manfaat lain aktiviti tersebut.

**CONTOH 2: KARANGAN PERINGKAT BAIK BAHAGIAN B**

Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong merupakan salah satu tradisi yang telah lama diamalkan dalam masyarakat kita. Ia melibatkan kerjasama ramai pihak untuk melaksanakan sesuatu tugas atau aktiiti secara sukarela. Aktiviti ini bukan sahaja memberi kesan positif kepada persekitaran tetapi juga membawa pelbagai manfaat dari segi sosial, fizikal dan emosi. Persoalannya , apakah manfaat - manfaat aktiviti ini ?

(57 patah perkataan)

**KEKUATAN**

- Menepati tema, iaitu aktiviti kemasyarakatan

**KELEMAHAN**

- Menghuraikan aktiviti gotong-royong
- Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri- ia

Salah satu manfaat utama gotong-royong adalah dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana aktiviti gotong-royong melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia, bangsa, atau latar belakang. Contohnya, semasa menjalankan tugas bersama, mereka akan berkomunikasi, bertukar-tukar pendapat, dan bekerjasama ketika bergotong-royong. Kesannya, masyarakat menjadi lebih mesra dan bersatu padu. Bak kata peribahasa bersatu kita teguh, bercerai kita robuh.

(65 patah perkataan)

**KEKUATAN**

- Huraian masih jelas

**KELEMAHAN**

- Menyentuh manfaat aktiviti gotong-royong
- Kesalahan penggunaan frasa -hal ini kerana
- Cara menulis peribahasa yang kurang tepat (.Bak)

Selain itu, aktiviti gotong-royong juga dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat. Ini kerana masyarakat berganding bahu membersihkan kawasan sekitar seperti longkang, taman permainan, kawasan surau, dan jalan perumahan yang sering terbiar. Dengan usaha ini, kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes atau tempat pembuangan sampah haram dapat dibersihkan. Keadaan persekitaran yang

**KEKUATAN**

- Huraian masih jelas

**KELEMAHAN**

- Menyentuh manfaat aktiviti gotong royong

<p>bersih bukan sahaja mencantikkan kawasan tersebut, malah dapat mengelakkan penularan penyakit berjangkit seperti demam denggi dan malaria. Justeru itu, jelaslah bahawa gotong-royong sangat penting dalam kehidupan kita.</p>	<p>- kesalahan bahasa : Ini kerana, justeru itu</p>
<p>Di samping itu, aktiviti gotong-royong juga dapat menyihatkan badan. Ini kerana aktiviti ini melibatkan pergerakan fizikal seperti mencabut rumput, menyapu sampah, atau mengangkat barang yang dapat mengeluarkan peluh . Aktiviti ini secara tidak langsung menjadi senaman ringan yang dapat meningkatkan kecergasan tubuh badan. Di samping itu, apabila tubuh bergerak aktif, ia dapat melancarkan peredaran darah dan mengurangkan risiko penyakit seperti obesiti, sakit jantung, dan tekanan darah tinggi. Aktiviti luar seperti ini juga memberi peluang kepada individu untuk menghirup udara segar. Oleh itu, gotong-royong bukan sahaja menyihatkan tubuh, malah menyegarkan minda.</p>	<p><b>KEKUATAN</b> - Huraian masih jelas <b>KELEMAHAN</b> - Menyentuh manfaat aktiviti gotong-royong - kesalahan bahasa : Ini kerana, ia</p>
<p>Kesimpulannya, aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong membawa pelbagai manfaat yang tidak ternilai kepada masyarakat. Ia bukan sahaja memperkuatkan perpaduan dan kesepakatan, malah mewujudkan suasana yang bersih, sihat, dan harmoni. Oleh itu, budaya gotong-royong haruslah dipelihara dan diteruskan agar masyarakat kita sentiasa bersatu dan sejahtera. Semua pihak sama ada individu, pemimpin masyarakat, atau institusi pendidikan perlu memainkan peranan dalam menggalakkan dan menyertai aktiviti ini demi kemajuan bersama.</p>	<p><b>KEKUATAN</b> - Ayat kesimpulan jelas <b>KELEMAHAN</b> - Kesimpulan tentang aktiviti gotong-royong</p>
<p><b>PERINGKAT BAIK</b></p> <p>T - Masih menjawab tugasan</p> <p>I - Masih relevan menjawab tugasan, huraian masih jelas, contoh masih sesuai</p> <p>B- Gramatis dari segi kata dan ayat tetapi terdapat kesalahan bahasa yang minimum, kosa kata umum</p> <p>P- Masih menarik</p> <p><b>KOMEN TAMBAHAN :</b> Menyentuh aktiviti gotong-royong sahaja bukan aktiviti kemasyarakatan</p>	

### KARANGAN PERINGKAT MEMUASKAN

PERINGKAT	KRITERIA
<b>MEMUASKAN</b> 35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih/ kurang</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>terhad</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum dan terhad</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca <b>betul</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>kurang menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik</li> <li>• Pemerengganan <b>kurang sesuai</b>. Wacana <b>masih / kurang</b> lengkap.</li> </ul>

### SOALAN

Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong perlu diadakan secara berterusan kerana aktiviti ini boleh menjadi platform terbaik dalam mengeratkan silaturahim. Menurut Menteri Besar Pahang, aktiviti tersebut tidak boleh diadakan secara bermusim dan perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Sumber : *Internet*

Huraikan manfaat yang terdapat dalam petikan dan manfaat-manfaat lain aktiviti tersebut.

<p>Pada masa kini, aktiviti gotong-royong selalu dilakukan oleh masyarakat. Mereka sering bergotong-royong membersihkan kawasan tempat tinggal mereka. Aktiviti ini banyak memberikan manfaat. Persoalannya, apakah manfaat-manfaat aktiviti gotong-royong tersebut.  <i>(28 patah perkataan)</i></p>	<p><b>KELEMAHAN:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendahuluan sangat pendek</li> <li>- Kesalahan tatabahasa</li> <li>- Ayat tugas yang tidak tepat</li> </ul>
<p>Aktiviti gotong-royong boleh menceriakan kawasan dan menjadikan tempat itu lebih bersih. Contohnya, orang ramai membersihkan kawasan disekitar dan membersihkan sungai. Kesannya, kampung dan sungai mereka lebih cantik dan pelancung suka datang ke kampung mereka. Kita juga dapat mengelakan penyakit yang dibawa oleh nyamuk aedes. Oleh itu, kawasan kampung menjadi lebih bersih dengan melakukan gotong-royong.  <i>(52 patah perkataan)</i></p>	<p><b>KELEMAHAN:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Huraian tidak tepat-fokus aktiviti gotong-royong</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan.</li> </ul>

<p>Selain itu, kita boleh mengeratkan silaturrahim. Ini kerana semua orang kampung keluar bergotong-royong tidak kira orang muda atau orang tua. Mereka berkerjasama melakukan aktiviti kemasyarakatan. Menurut Menteri Besar Pahang, aktiviti tersebut tidak boleh diadakan secara bermusim dan perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Kesannya, orang melayu, orang cina, orang india dan lain-lain dapat mengenali diantara satu sama lain. Tiada lagi pergaduhan seperti yang dibaca dalam intenet.</p> <p style="text-align: right;">(65 patah perkataan)</p>	<b>KELEMAHAN:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Banyak kesalahan ejaan</li> <li>- Huraian tidak berkembang</li> <li>- Manfaat gotong royong sangat umum</li> </ul>
<p>Akhir sekali, gotong-royong dapat memupuk amalan mulia. Mereka boleh memupuk nilai murni seperti bertimbang rasa, saling hormat menghormati dan tolong menolong. Kesannya, anak-anak mudah akan terpengaruh dengan perkara yang dilakukan oleh orang-orang tua sebelum mereka. Oleh itu, amalan mulia seperti nilai murni begini sangat bagus untuk kehidupan yang bahagia.</p> <p style="text-align: right;">(45 patah perkataan)</p>	<b>KELEMAHAN:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ayat kurang gramatis</li> <li>- Huraian tidak berkembang dan umum</li> </ul>
<p>Kesimpulannya, aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong perlu diadakan secara berterusan kerana aktiviti ini boleh menjadi platform terbaik dalam mengeratkan silaturrahim.</p> <p style="text-align: right;">(19 patah perkataan)</p>	<b>KELEMAHAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesimpulan terlalu ringkas</li> <li>- Kesalahan ejaan</li> </ul>
<p><b>MEMUASKAN</b>  T : Masih menjawab tugas  I : Masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai  B : Masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata umum dan terhad  P : Masih menarik</p>	

## CONTOH KARANGAN BAHAGIAN B

### SOALAN

Isu kemalangan jalan raya merupakan masalah yang tidak pernah selesai sejak dahulu. Kemalangan jalan raya semakin meningkat terutamanya menjelang musim perayaan di negara kita. Sikap pemandu dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyebabkan peningkatan kes kemalangan jalan raya. Selain itu, kenderaan yang tidak diselenggara dan keadaan jalan yang teruk juga merupakan faktor yang menyebabkan peningkatan kes ini.

*Sumber: Internet*

Huraikan faktor-faktor tersebut.

Kemalangan jalan raya di negara kita sering menjadi penyumbang utama kepada kes kematian di negara kita. Akhir-akhir ini, kes kemalangan jalan raya sering menunjukkan peningkatan yang ketara terutamanya pada musim perayaan. Perkara ini sudah pasti membimbangkan banyak pihak kerana terdapat pelbagai impak negatif jika itu masih berlarutan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh banyak pihak bagi menangani kes kemalangan jalan raya. Namun begitu, tindakan yang diambil kurang memberangkan hasil yang memberangsangkan kerana kes-kemalangan jalan raya masih lagi menjadi tajuk utama akbar tempatan. Oleh itu, faktor-faktor yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya akan dikupas demi kebaikan bersama.

Faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah **sikap pemandu itu sendiri**. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir pemandu yang bersikap mementingkan diri sendiri seperti peribahasa bagi enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing semasa berada di jalan raya. Mereka juga tidak menghiraukan keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain. Sebagai contoh, terdapat segelintir pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya dengan memandu kenderaan melebihi had laju yang telah ditetapkan. Kesannya, perkara ini sudah pasti akan membahayakan nyawa mereka sendiri dan meningkatkan risiko berlakunya kemalangan jalan raya. Sudah terang lagi bersuluh sikap pemandu menjadi punca utama berlakunya kemalangan jalan raya.

Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada kes kemalangan jalan raya ialah kenderaan yang **tidak diselenggara secara berkala**. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan kenderaan yang tidak diselenggara akan meningkatkan risiko berlakunya kemalangan. Perkara ini disebabkan pemilik kenderaan yang alpa atau lalai untuk menyelenggara kenderaan mereka. Tamsilnya, keadaan tayar yang botak atau brek yang tidak berfungsi dengan baik akan menyebabkan pemandu mudah hilang kawalan ketika kecemasan dan terbabas. Jelaslah bahawa keadaan kenderaan juga menjadi penyumbang utama kes kemalangan jalan raya di negara kita.

Selain keadaan kenderaan, kemalangan jalan raya juga berlaku disebabkan **keadaan jalan raya**. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan jalan raya berisiko membahayakan pengguna jalan raya. Sebagai contoh, kemalangan kerap berlaku di Lebuh Raya Karak kerana keadaan jalan raya yang bengkang-bengkok seperti ular kena palu. Tambahan pula, keadaan jalan raya yang rosak seperti berlubang, tidak rata, sempit dan tidak mempunyai lampu jalan boleh meningkatkan risiko berlakunya kemalangan terutamanya kepada pemandu yang kurang berhati-hati. Jelaslah bahawa keadaan jalan raya juga menjadi penyumbang kemalangan jalan raya.

Konklusinya, terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan kes kemalangan jalan raya di negara kita. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu bagi aur dengan tebing dalam menjayakan usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak bagi menangani kes kemalangan jalan raya di negara kita. Kita juga sebagai pengguna jalan raya seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan keselamatan jalan raya. Pengguna jalan raya diharapkan lebih berhati-hati dan berwaspada semasa menggunakan jalan raya bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini kerana malang tidak berbau.

## CONTOH KARANGAN BAHAGIAN B

Sektor pertanian kian dipandang sepi oleh masyarakat negara kita. Masyarakat begitu taasub menceburkan diri dalam sektor perindustrian menyebabkan sektor pertanian kian dilupakan. Hakikatnya, sektor pertanian sebenarnya memberikan pelbagai kepentingan termasuklah menyediakan peluang perkerjaan kepada masyarakat di negara kita.

*Sumber: Internet*

Huraikan kepentingan dalam petikan berserta kepentingan-kepentingan lain sektor tersebut.

Sektor pertanian di negara kita merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Akhir-akhir ini, kemajuan pembangunan negara yang banyak menjurus kepada sektor perindustrian sedikit banyak telah menyebabkan sektor pertanian dipinggirkan. Perkara ini sudah pasti membimbangkan banyak pihak kerana terdapat pelbagai impak negatif jika sektor pertanian di negara kita diabaikan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh banyak pihak bagi memastikan sektor pertanian di negara kita menjadi sektor utama yang menyumbang kepada pendapatan negara. Namun begitu, tindakan yang diambil kurang membawa hasil yang memberangsangkan kerana sektor ini masih lagi dipandang enteng dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kepentingan sektor pertanian akan dikupas demi kebaikan bersama.

Kepentingan sektor pertanian ialah sektor ini akan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembangunan dalam bidang pertanian telah membuka pelbagai skop kerja yang dapat dijadikan sebagai kerjaya selain dapat meningkatkan hasil pertanian. Sebagai contoh, sektor perladangan kelapa sawit dan penternakan ikan air tawar menyediakan peluang pekerjaan seperti tenaga buruh, pekerja di bahagian pemprosesan, pemasaran dan lain-lain. Kesannya, masyarakat akan dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Sudah terang lagi bersuluh, sektor pertanian dapat menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat di negara kita.

Selain itu, sektor pertanian juga dapat meningkatkan pendapatan negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan sektor pertanian negara dapat meningkatkan pendapatan eksport yang secara langsung menyumbang kepada pendapatan negara. Perkara ini juga dapat dilihat melalui pertukaran wang asing apabila berlakunya proses pengeksportan komoditi ke negara-negara luar seperti Eropah Timur dan Asia Tengah. Tamsilnya, bahan eksport utama di negara kita, iaitu getah, minyak kelapa sawit dan produk berasaskan sawit telah mendatangkan hasil yang lumayan kepada negara kita. Kesannya, kedudukan kewangan negara dan struktur ekonomi yang kukuh dapat diwujudkan melalui hasil yang dinikmati daripada sektor pertanian. Jelaslah bahawa sektor pertanian sangat menyumbang kepada peningkatan ekonomi di negara kita.

Di samping itu, sektor pertanian juga penting untuk menjamin bekalan makanan yang cukup kepada masyarakat di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita masih bergantung kepada bekalan makanan yang diimport dari negara luar sedangkan kita mempunyai kepakaran dan tenaga kerja untuk menghasilkan bekalan makanan tersebut secara domestik. Usaha ini penting bagi mengelakkan rantaian bekalan makanan untuk rakyat kita terputus apabila berlaku sesuatu musibah seperti perang. Situasi ini sinonim dengan peribahasa sediakan payung sebelum hujan. Sebagai contoh, penghasilan padi di negara kita seharusnya ditingkatkan bagi memastikan kita tidak bergantung kepada negara luar. Kesannya, negara kita akan mempunyai bekalan makanan yang mencukupi dan tidak menimbulkan situasi panik jika berlakunya perkara yang tidak diingini. Sudah terang lagi bersuluh, sektor pertanian penting bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan di negara kita.

Konklusinya, terdapat pelbagai kepentingan sektor pertanian di negara kita. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu bagi aur dengan tebing dalam memastikan sektor pertanian di negara kita mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Kita juga seharusnya memanfaatkan sektor pertanian supaya dapat memberikan faedah kepada pelbagai pihak. Sektor pertanian diharapkan terus berkembang dengan pesat dan menjadi pamacu transformasi pembangunan ekonomi negara. Dengan itu, negara kita akan terus maju setanding dengan negara-negara maju yang lain ibarat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

## SET 1

## Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan penyakit kronik.**Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha membendung penyakit kronik dalam kalangan masyarakat.**Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Penyakit kronik merujuk kepada sebarang penyakit yang berlanjut lebih dari tiga bulan dan juga mengganggu kehidupan harian seseorang. Contoh penyakit kronik adalah asma, kencing manis, sawan, buah pinggang dan penyakit mental.

**Mari Aktifkan Diri**

Kawan-kawan, kita digalakkan melakukan aktiviti fizikal atau bersenam sekurang-kurangnya **60 minit** sehari **5 kali** seminggu

*Jom Aktifkan Diri***Sumber: MyHealth, KKM**

#SukuSukuSeparuh

**Bahagian B**  
[70 markah]**1.**

Masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja khususnya murid sekolah semakin ketara dan tular dalam media sosial. Menurut Ketua Polis Selangor, akibat masalah tersebut, penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas semakin meningkat dalam kalangan remaja. Sehubungan dengan itu, semua pihak berperanan penting dalam menangani masalah ini.

Sumber: Internet

Huraikan peranan-peranan tersebut.

**2.**

SHAH ALAM - Masalah kegemukan rakyat Malaysia semakin membimbangkan apabila satu daripada dua individu dewasa di negara ini atau kira-kira 11 juta orang mengalami berat badan berlebihan dan obes. Berdasarkan Laporan Kementerian Kesihatan (KKM) pada tahun 2023, sebanyak 54.4 peratus rakyat dewasa Malaysia mengalami berat badan berlebihan. Tabiat makan pada lewat malam merupakan faktor utama yang menyebabkan masalah ini berlaku.

Dipetik dan diubah suai daripada:  
[sinarharian.com.my](http://sinarharian.com.my)

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain masalah tersebut.

**3.**

Pada hari ini ini, penguasaan pelbagai bahasa amat penting terutamanya untuk berhubung dengan masyarakat luar negara. Berikutan itu, terdapat institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mewajibkan penuntutnya menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa asing seperti bahasa Jepun, Arab, Thailand, Mandarin dan sebagainya kerana membuka peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Selain itu, menguasai bahasa asing juga memudahkan kita untuk berkomunikasi ketika melancong di samping dapat membina rangkaian kenalan di serata dunia.

Sumber: [Dewan Siswa Bil. 04/2021](http://DewanSiswaBil.04/2021)

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kelebihan-kelebihan menguasai bahasa tersebut.

**4.**

Isu beg berat bukanlah perkara baharu dan menjadi perbincangan hangat yang tidak berkesudahan dalam kalangan masyarakat. Isu ini sentiasa berulang terutamanya menjelang pembukaan sesi persekolahan yang baharu. Masalah ini perlu ditangani dengan serius oleh semua pihak bagi memastikan isu beg berat dalam kalangan murid mampu diselesaikan.

Dipetik dan diubah suai daripada: [bharian.com.my](http://bharian.com.my)

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, huraikan langkah-langkah untuk menangani isu tersebut.

**SET 2****Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan kesesakan lalu lintas.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kesesakan lalu lintas di negara kita.**Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyasarkan untuk menyelesaikan isu kesesakan jalan raya di Lembah Klang menjelang

2030 namun berbaki kira-kira lima tahun lagi, belum ada petunjuk sasaran itu dapat direalisasikan.

Hakikatnya, isu kesesakan trafik di negara ini, termasuk di bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru dan Melaka dipandang serius oleh kerajaan Madani menerusi penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesesakan Jalan Raya dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Mac 2023.



SUBANG JAYA: Kesesakan lalu lintas ini adalah disebabkan sikap segelintir pemandu yang mementingkan diri sendiri dengan meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak sepatutnya.



**BAHAGIAN B  
[70 MARKAH]****1.**

Masalah keruntuhan akhlak seperti penyalahgunaan dadah, lumba haram dan lari dari rumah semakin berleluasa dalam kalangan remaja. Kesannya, mereka terlibat dalam pelbagai kes jenayah dan menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat. Sebagai bukti, sebanyak 293 kes jenayah yang direkodkan pada tahun 2023 melibatkan murid sekolah. Sehubungan dengan itu, semua pihak berperanan penting dalam menangani masalah ini.

Sumber: Internet

Huraikan peranan-peranan tersebut.

**2.**

Tanggal 5 Disember setiap tahun ialah Hari Sukarelawan Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk meraikan individu yang bergiat aktif dalam aktiviti ini. Namun begitu, aktiviti sukarelawan di negara kita masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat sedangkan aktiviti ini sangat bermanfaat kepada belia. Aktiviti sukarelawan dapat mengelakkan remaja terlibat dalam kegiatan tidak bermoral seperti pergaulan bebas, vandalisme dan banyak lagi gejala negatif.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada [www.bharian.com](http://www.bharian.com).

Huraikan kelebihan berdasarkan petikan di atas berserta kelebihan-kelebihan lain menyertai aktiviti tersebut.

**3.**

Belakangan ini, peningkatan kes penyakit berjangkit di negara kita semakin membimbangkan. Penyakit berjangkit seperti demam denggi, selesema burung dan COVID-19 telah menjelaskan kesihatan manusia. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan sektor kesihatan awam dan swasta dalam pelbagai aspek bagi memastikan penularan penyakit ini dapat dibendung.

Sumber: Internet

Selain langkah yang terdapat dalam petikan, huraikan langkah-langkah bagi membendung penyakit tersebut.

**4.**

Makanan tradisional di Malaysia menjadi identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Hal ini menjadi salah satu tarikan pelancong untuk mengunjungi negara kita yang terkenal dengan kepelbagaiannya budaya. Namun begitu, makanan tradisional semakin dipinggirkan dalam kalangan generasi muda. Terlalu mengagungkan makanan luar negara menjadi faktor utama makanan tradisional Malaysia semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini.

Dipetik dan diubah suai daripada:  
<https://dewanbudaya.jendeladb.my/2021/05/10/232/>

Huraikan faktor berdasarkan petikan berserta faktor-faktor lain yang menyebabkan makanan tersebut semakin dipinggirkan.

**PANDUAN MENJAWAB BAHASA MELAYU KERTAS 2**

**MASA : 2 jam 30 minit.**

**TIGA BAHAGIAN DIKEMUKAKAN DENGAN 9 SOALAN:**

**BAHAGIAN A - Sistem dan Aplikasi Bahasa: 35 Markah**

1. Morfologi
2. Sintaksis
3. Penyuntingan
4. Bahasa Melayu Standard (Menukar Teks bahasa Melayu Klasik)
5. Peribahasa

**BAHAGIAN B – Pemahaman : 35 Markah**

6. Pemahaman Petikan Umum
7. Pemahaman Petikan Sastera
8. Novel (10 Markah)

**BAHAGIAN C: 30 MARKAH**

9. Rumusan

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 markah]**

**SOALAN 1**

1. **Morfologi** – Mengenal pasti jenis kata dan membina ayat
  - ✓ Wajib senaraikan perkataan yang diuji dahulu
  - ✓ Bina ayat sendiri : tidak boleh mengambil ayat dalam petikan atau dalam keseluruhan kertas soalan
  - ✓ Senaraikan perkataan - 1m
  - ✓ Bina ayat - 1 m
  - ✓ Tidak boleh menyatakan kata atau ayat lebih daripada arahan soalan
  - ✓ Pastikan ejaan kata yang diuji dieja dengan BETUL. Jika salah ejaan – 0 markah untuk kata dan ayat.
  - ✓ Untuk menjawab soalan morfologi, murid mesti menguasai aspek morfologi berikut ;
    - ✓ i. **STRUKTUR KATA** – merangkumi KATA ASLI dan KATA PINJAMAN
    - ✓ ii. **PEMBENTUKAN KATA** – merangkumi KATA TUNGGAL, KATA TERBITAN, KATA GANDA, KATA MAJMUK dan KATA AKRONIM
    - ✓ iii. **PENGGOLONGAN KATA** – merangkumi KATA NAMA, KATA KERJA, KATA ADJEKTIF dan KATA TUGAS,

**ANALISIS SOALAN 1**

<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2022</b>	<b>SPM 2022 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2023</b>	<b>SPM 2023 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2024</b>
Kata Kerja Transitif	Kata Ganda Berentak	Menambahkan Imbuhan Apitan pada Kata Dasar	Kata Nama Terbitan Apitan	Kata Majmuk	Kata Ganda	Kata Dasar	Kata Adjektif

**SOALAN 2****2. Sintaksis**

Antara bentuk soalan sintaksis :

- i. menukar ayat aktif kepada ayat pasif
- ii. menukar ayat pasif kepada ayat aktif
- iii. menukar cakap ajuk kepada cakap pindah
- iv. menukar cakap pindah kepada cakap ajuk
- v. menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang
- vi. menukar ayat susunan songsang kepada ayat susunan biasa
- vii. memisahkan ayat
- viii. menyambung ayat
- ix. menentukan pola ayat
- x. menentukan jenis-jenis ayat
- xi. menganalisis ayat [subjek dan predikat]
- xii. membina ayat tanya berdasarkan frasa yang diberikan.

# Tidak boleh menyatakan jawapan lebih daripada arahan soalan

**ANALISIS SOALAN 2**

<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2022</b>	<b>SPM 2022 (Ulangan )</b>	<b>SPM 2023</b>	<b>SPM 2023 (Ulangan )</b>	<b>SPM 2024</b>
Pola Ayat	Menukar kan Ayat Majmuk kepada Ayat Tunggal	Menukarkan Ayat Aktif kepada Ayat Pasif	Menukar kan Ayat Susunan Biasa kepada Ayat Songsang	Membina Ayat Tanya	Menukar kan Ayat Pasif kepada Ayat Aktif	Mengenal pasti Subjek dan Predikat	Menuka r Ayat Cakap Ajuk kepada Ayat Cakap Pindah

**SOALAN 3****3. Penyuntingan**

- ✓ Soalan penyuntingan berdasarkan teks tunggal, teks bersambung atau teks pelbagai (petikan, dialog, iklan, kad ucapan dll)
- ✓ Jumlah kesalahan bahasa bergantung pada jumlah markah dalam soalan.
- ✓ Jenis kesalahan yang diuji : **ejaan, imbuhan, tatabahasa dan istilah.**
- ✓ **Wajib menyenaraikan kesalahan, kemudian diikuti dengan pembetulan jawapan.**

**ANALISIS SOALAN 3**

<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2022</b>	<b>SPM 2022 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2023</b>	<b>SPM 2023 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2024</b>
2 Bahan [11 markah]	2 Bahan [11 markah]	1 Bahan [11 markah]	2 Bahan [11 markah]	1 Bahan [9 markah]	1 Bahan [9 markah]	2 Bahan [11 markah]	2 Bahan [11 markah]

**SOALAN 4****4. Bahasa Melayu Standard**

- ✓ Menukar petikan teks bahasa Melayu klasik kepada teks bahasa Melayu moden.
- ✓ Petikan bahan untuk soalan menukar bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu Standard diambil daripada prosa tradisional 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul atau 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi Sejadah Rindu.
- ✓ Jawapan mesti ditulis dalam bahasa Melayu moden.
- ✓ Gariskan perkataan bahasa klasik yang perlu ditukarkan.
- ✓ Jangan menokok tambah butiran dan fakta yang tiada dalam petikan asal.
- ✓ Jangan mengurangkan atau membuang butiran atau fakta yang ada dalam petikan asal.
- ✓ Nama khas seperti nama watak, tempat, peralatan mesti dikekalkan.
- ✓ Partikel "pun" dan "lah" dibuang jika tidak perlu.
- ✓ Penggunaan perkataan lama seperti 'arakian', 'hatta', 'sebermula', 'alkisah', 'syahdan', 'maka' hendaklah dielakkan.
- ✓ Tanda baca seperti tanda soal, koma bertindih, noktah bertindih, tanda seru, dan pengikat kata MESTI dikekalkan.
- ✓ Bilangan perenggan MESTI dikekalkan.
- ✓ Bahasa istana MESTI dikekalkan.

**ANALISIS SOALAN 4**

<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2022</b>	<b>SPM 2022 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2023</b>	<b>SPM 2023 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2024</b>
Burung Terbang Dipipiskan Lada [6 markah]	Kepimpinan Melalui Teladan [4 markah]	Burung Terbang Dipipiskan Lada [4 markah]	Kepimpinan Melalui Teladan [4 markah]	Burung Terbang Dipipiskan Lada [4 markah]	Burung Terbang Dipipiskan Lada [6 markah]	Jaket Kulit Kijang dari Istanbul [6 markah]	Burung Terbang Dipipiskan Lada [5 markah]

**SOALAN 5****5. Peribahasa**

Bentuk soalan peribahasa:

- ✓ Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam petikan yang diberi.
- ✓ Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud peribahasa yang diberi.
- ✓ Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang tepat.
- ✓ Menyatakan maksud peribahasa.
- ✓ Menyatakan peribahasa yang sama maksud.

**ANALISIS SOALAN 5**

<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2022</b>	<b>SPM 2022 (Ulanga n)</b>	<b>SPM 2023</b>	<b>SPM 2023 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2024</b>
Menyatakan maksud peribahasa	Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam petikan yang diberi	Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam petikan yang diberi	Menyatakan peribahasa yang sama maksud	Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang tepat	Menyatakan Maksud Peribahasa	Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi yang berbeza dalam petikan	Peribahasa Berlawanan Maksud

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 markah]**

**PANDUAN MENJAWAB SOALAN 6 DAN SOALAN 7**

1. Bagi menjawab Soalan 6 – Petikan Umum dan Soalan 7 – Petikan Sastera, calon **dinasihatkan membaca dahulu soalan (i) dan soalan (ii)** untuk memudahkan murid mencari jawapan semasa membaca petikan.
2. Semua jawapan mesti ditulis dalam ayat yang lengkap.
3. Cadangan jumlah isi mengikut peruntukan markah. Misalnya;

<b>3 markah</b>	-	<b>2 atau 3 isi</b>
<b>4 markah</b>	-	<b>3 atau 4 isi</b>

✓ **Soalan (i) – maksud rangkai kata** – murid dikehendaki menukar rangkai kata berkenaan dengan rangkai kata lain yang sama maksud berdasarkan maksud dalam petikan. Murid juga boleh menukarkan satu perkataan atau sebahagian frasa sahaja sekiranya tidak memahami maksud keseluruhan rangkai kata / frasa.

\*\*\*\* **Soalan (i) juga boleh dibuat dalam bentuk pemindahan maklumat\*\*\*\***

✓ **Soalan (ii) – pemindahan maklumat** – murid mesti memahami kehendak soalan dan menjawab mengikut kehendak soalan. ISI MESTI menyentuh semua bahan. Calon dinasihatkan memindahkan maklumat yang ada dalam petikan tanpa mengubah ayat tersebut dan menyalin semua isi dengan lengkap. Calon digalakkan mengasingkan jawapan mengikut bahan.

✓ **Soalan (iii) – KBAT** - Murid mesti membaca dan **memahami kehendak soalan** dengan teliti agar dapat mengemukakan jawapan dengan **TEPAT**. Gunakan penanda wacana untuk menghubungkan isi.

✓ **Soalan (iv) – penyelesaian masalah** - murid mesti **memahami situasi dan masalah** yang dikemukakan sebelum mengemukakan langkah-langkah penyelesaian masalah tersebut sebagai jawapan.

**SOALAN 8 (i)- NOVEL (PEMINDAHAN MAKLUMAT)**

1. Soalan berdasarkan novel yang dipelajari ketika Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
2. Dikemukakan sebagai **Soalan 8: Pemahaman novel**
3. Peruntukan markah – **10 markah**
4. Dibahagikan kepada **dua** bahagian soalan yang wajib dijawab, iaitu:
  - (i) Soalan 8(i) – Soalan pemahaman (Pemindahan Maklumat) **satu** petikan daripada salah satu novel Tingkatan 4 atau Tingkatan 5 (Berdasarkan 8 buah novel).
  - (ii) Soalan 8(ii) – Soalan KBKK berdasarkan **sebuah** atau **dua buah** novel yang dipelajari. **Soalan novel tidak melibatkan unsur sastera.**

5. Panduan menjawab soalan 8(i):

- Calon dinasihatkan membaca dahulu soalan untuk memudahkan murid mencari jawapan semasa membaca petikan.
- Lihat jumlah markah yang diperuntukkan.
- Jumlah isi bergantung pada jumlah peruntukan markah tersebut.
- Tulis jawapan menggunakan ayat yang lengkap dan gramatis.
- Calon dinasihatkan **memindahkan maklumat yang ada dalam petikan tanpa mengubah ayat tersebut dan menyalin semua isi dengan lengkap.**

### SOALAN 8(ii) – KBAT NOVEL

- Baca arahan soalan dan tugasannya dengan teliti.
- Soalan boleh berdasarkan satu atau dua buah novel yang dipelajari.
- Lihat jumlah markah yang diperuntukkan. Jumlah isi bergantung kepada jumlah peruntukan markah.
- Setiap jawapan yang diberi mesti mempunyai 2 perkara bagi mendapatkan markah penuh - **menyatakan peristiwa + alasan / ulasan / huraihan**
- Tulis jawapan dalam perenggan dan menggunakan ayat yang lengkap serta gramatis.
- **Murid dibenarkan untuk menyatakan isi lebih daripada DUA isi.**

### ANALISIS SOALAN 8(ii)

SPM 2021 (Sesi 1)	SPM 2021 (Sesi 1)	SPM 2021 (Ulangan)	SPM 2022	SPM 2022 (Ulangan)	SPM 2023
Peristiwa yang menggembirakan pembaca	Peristiwa yang menarik perhatian pada akhir cerita	Peristiwa yang dapat menimbulkan keinsafan kepada pembaca	Peristiwa yang dapat diteladani oleh pembaca	Peristiwa yang dapat dijadikan pedoman kepada pembaca	Peristiwa yang menimbulkan rasa kagum kepada pembaca
<b>SPM 2023 (Ulangan)</b>			<b>SPM 2024</b>		
Peristiwa yang dapat memberikan motivasi kepada pembaca			Peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masayarakat dan <b>langkah penyelesaiannya</b>		

### BAHAGIAN C - RUMUSAN

#### SOALAN 9 - RUMUSAN

1. Bahan petikan **kebiasaannya** mempunyai tidak kurang daripada 2 fokus.
2. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya **dua bahan** daripada sumber yang berbeza seperti petikan prosa, puisi dan grafik. Semua bahan tersebut mempunyai tema yang sama.
3. **Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.**
4. Calon perlu mengenal pasti semua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

#### TIP MUDAH MENCARI ISI / FOKUS

BIL	FOKUS	PERKATAAN YANG SERING DIGUNAKAN SEBELUM ISI
1	Kesan	Dapat/ telah mampu / berupaya / akan / boleh mendatangkan / menjadikan / menyebabkan / membolehkan / meninggalkan / mempengaruhi
2	Faedah / punca / faktor	Disebabkan / kerana / daripada / oleh sebab / menyumbang
3	Langkah / peranan	Hendaklah / perlu / mesti / harus / wajar / boleh / sepatutnya / wajib / berperanan
4	Masalah / kekangan	Masalahnya / halangannya / kekangannya / cabarannya

5. Markah keseluruhan isi ialah **20 markah** termasuk pendahuluan dan penutup.
6. Calon perlu mengemukakan **8 isi lengkap** daripada semua bahan dan semua fokus. Calon boleh mengemukakan lebih daripada 8 isi dengan syarat jawapan tidak melebihi 120 patah perkataan.
7. Lazimnya isi yang terdapat dalam bahan yang diuji melebihi 8 isi.
8. **Calon perlu mengemukakan sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.**
9. **Semua isi tersebut berdasarkan pemindahan maklumat sahaja.** Calon **tidak perlu mengubah perkataan atau maksud maklumat** yang dipilih sebagai isi KECUALI bahan PUISI yang perlu diubah menjadi bahasa Melayu yang gramatis.

#### PENGAGIHAN ISI

PERINGKAT	MARKAH
PENDAHULUAN	<b>2</b>
ISI (FOKUS 1 DAN FOKUS 2)  (8 ISI X 2 markah)	<b>16</b>
KESIMPULAN	<b>2</b>
JUMLAH	<b>20</b>

10. Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH BAHASA</b>
CEMERLANG	8 – 10 markah
BAIK	5 – 7 markah
SEDERHANA	3-4 markah
LEMAH	1-2 markah

11. Rumusan mesti ditulis tidak melebihi **120** patah perkataan.  
 12. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan. Disyorkan untuk menulis kesimpulan

**( TEMA + CADANGAN - PERLU + HARAPAN - AGAR ) –  
DALAM SATU AYAT SAHAJA**

13. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei.

### ANALISIS SOALAN 9

<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Sesi 1)</b>	<b>SPM 2021 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2022</b>	<b>SPM 2022 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2023</b>	<b>SPM 2023 (Ulangan)</b>	<b>SPM 2024</b>
3 Bahan <b>Fokus</b> Cabaran dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Peranan dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Kesan dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Cabaran dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Cabaran dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Punca dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Punca dan Langkah	3 Bahan <b>Fokus</b> Ciri dan Peranan

## SET 1

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 markah]**

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan kata yang bergaris kepada kata nama terbitan apitan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata nama terbitan apitan tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Disiplin murid dapat dibentuk seawal mereka memasuki alam persekolahan. Dalam memberikan tunjuk ajar kepada para murid di dalam kelas, guru-guru perlu menitikberatkan disiplin kerana aspek tersebut mempengaruhi kecemerlangan mereka dalam akademik dan sahsiah. Selain itu, ibu bapa perlulah cakna terhadap tindak tanduk anak-anak mereka ketika berada di rumah. Perkara ini penting kerana media cetak pada hari ini banyak memaparkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Oleh itu, ibu bapa perlu memberikan kerjasama kepada pihak sekolah untuk mengatasi masalah ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Disiplin Tonggak Kemenjadian Pelajar’  
oleh Shahrul Danial Farhan Abdul Razak.  
*Dewan Siswa, Bil. 6/2019*

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian gabungkan ayat tunggal yang bergaris di bawah menjadi tiga ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.*

Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu sedar. Mereka berperanan sebagai pemudah cara dalam pemilihan kerjaya anak-anak pada masa depan. Ibu bapa tidak perlu mengongkong anak-anak dengan menetapkan kerjaya yang patut diceburi oleh mereka. Sebaliknya, ibu bapa perlu memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk membuat pilihan kerjaya. Mereka mempunyai cita-cita sendiri. Mereka sepatutnya membantu anak-anak dengan memberikan bimbingan untuk pemilihan kerjaya. Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjamin kecemerlangan mereka pada suatu hari nanti. Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjanjikan kesenangan hidup pada suatu hari nanti.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Peranan Ibu Bapa: Sokong Anak Pilih Kerjaya’  
oleh Dr Anjli Doshi Gandhi,  
*Pendidik* Bil. 03/2017

[6 markah]

- 3 Baca petikan rencana di bawah dengan teliti. Petikan ini mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

### Kekalkan Budaya Sopan Beri Duit Raya

Samsudin Oli Mohamed

Budaya memberi duit raya menjadi satu amalan yang dinantikan pada hari raya terutama dalam kalangan kanak-kanak. Namun begitu, belakangan ini, muncul pula trend baharu yang semakin mendapatkan perhatian, iaitu pemberian duit raya sambil menari. Trend ini dipercayai dipengaruhi oleh budaya media sosial yang menekankan elemen hiburan dan kreatifiti.

Ramai yang melihatnya sebagai cara santai untuk menghargai suasana raya, terutama dalam kalangan generasi muda. Budaya ini semakin menular dari semasa ke masa sehingga jumlah tontonan dalam talian mencecah jutaan tontonan.

Ada juga pihak berpandangan trend ini boleh mengakis nilai tradisional dan adab dalam memberi duit raya. Sebagai masyarakat yang mewah dengan adat dan nilai, mungkin ada baiknya jika budaya memberikan duit raya dikekalkan dengan cara yang lebih sopan dan beradab.

Walaupun hiburan dan keseronokan tidak salah, namun keseimbangan di antara keseronokan dan nilai tradisional perlu dijaga agar semangat dan sambutan hari raya terus meraikan dengan penuh bermakna.

Oleh itu, diharapkan trend ini dapat dibendung agar tidak mencemarkan keindahan dan kesucian amalan memberikan duit raya yang penuh dengan nilai murni.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*bharian.com.my*  
8 April 2025

[9 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkut segala harta itu."

Maka titah raja pada Tun Kasturi, "Pergilah Bentara menghadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu."

Maka Bentara pun menyembah lalu pergi dengan rakyat mengangkut segala harta itu di Bukit Cina. Maka harta itu pun terlalu banyak. Maka segala harta itu ditimbunkan di halaman balairung itu, tujuh hari tujuh malam berangkut segala harta itu.

Dipetik daripada  
'Kepimpinan Melalui Teladan'  
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[6 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian **isikan tempat kosong** dengan peribahasa yang sesuai.

Amalan membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan daya pemikiran seseorang kerana .....(i)..... Institusi kekeluargaan merupakan elemen yang penting dalam usaha menanam tabiat membaca dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi. Ibu bapa sendiri perlu menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak dengan sentiasa membaca buku di hadapan anak-anak kerana .....(ii)..... Oleh itu, amalan mulia ini perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat agar masyarakat di negara kita dapat .....(iii)..... kerana setanding dengan masyarakat di negara lain dalam pelbagai bidang.

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 markah]**

- 6 *Baca Bahau 1 Bahau 2 dan Bahau 3 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Teknologi hijau merangkumi sumber tenaga seperti angin, air, solar, hibrid dan lain-lain yang bersumberkan alam semula jadi. Dalam hal ini, teknologi hijau merujuk produk, peralatan atau sistem yang memenuhi kriteria seperti meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar dan selamat untuk digunakan.

Teknologi hijau dapat meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi ini adalah rendah karbon dan lebih mesra alam berbanding dengan teknologi sedia ada. Apabila kita menggunakan teknologi hijau, kita menggunakan sumber-sumber seperti tenaga, air dan sebagainya secara minimum untuk menghasilkan sesuatu produk.

Teknologi hijau ialah aplikasi sains alam sekitar untuk memulihara sumber alam semula jadi bagi menangani impak negatif aktiviti manusia seperti pengeluaran asap hitam yang membahayakan oleh kilang, penggunaan bahan bakar kenderaan bermotor, pemusnahan alam semula jadi, pencemaran sungai, pelepasan karbon ke udara dan sebagainya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Teknologi Hijau Tingkat Kualiti, Pacu Ekonomi Negara’  
 oleh Dr. Iskandar Hasan Tan Abdullah,  
*Berita Harian*, 13 Mac 2022

**Bahan 2**

Teknologi hijau ini merujuk pembangunan serta penggunaan aplikasi produk, peralatan serta sistem yang bertujuan untuk memelihara alam sekitar. Penghasilan perisian atau aplikasi penyelaras pintar ini akan menghapuskan masalah pembaziran guna tenaga secara menyeluruh kerana semuanya boleh dikawal hanya menggunakan satu aplikasi yang dapat menyelaraskan penggunaan elektrik di mana-mana premis. Universiti Malaysia Perlis *memanfaatkan kepakaran* yang dimiliki penyelidiknya menerusi pembangunan Sistem Masjid Pintar (SMP) yang dilengkapi elemen teknologi hijau yang akan menjadikannya bangunan cekap tenaga, cekap air, mesra alam sekitar dan rendah karbon.

Sistem yang dibangunkan sekumpulan penyelidik Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (FTKEN) itu berfungsi untuk mengawal peralatan elektrik utama seperti lampu, kipas dan penyaman udara menggunakan capaian tablet menerusi akses Internet Kebendaan (IoT). Oleh itu, penggunaan peralatan elektrik dengan lebih mudah dan efisien, dapat menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga elektrik.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Impak Teknologi Hijau’  
 oleh Muhammad Saufi Hassan,  
*MyMetro*, 31 Mei 2022

**Bahan 3**Sumber : *Internet*

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *memanfaatkan kepakaran*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kelebihan-kelebihan teknologi hijau dalam kehidupan masyarakat kini.  
[3 markah]
- (iii) Masyarakat Barat sudah lama menerima teknologi hijau sebagai sumber yang berpotensi untuk dimajukan. Namun begitu, berdasarkan tinjauan Suruhanjaya Tenaga Malaysia rata-rata rakyat Malaysia tidak menyedari teknologi hijau sudah lama bertapak di negara ini.  
Pada pendapat anda, mengapakah punca-punca ini berlaku?  
[3 markah]
- (iv) Anda merupakan graduan Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Awam Tempatan. Dengan bekalan tenaga solar yang tidak terbatas, anda berhasrat untuk menubuhkan syarikat tenaga solar yang dapat membekalkan tenaga elektrik di Malaysia. Namun begitu, anda menghadapi masalah untuk memasarkan teknologi hijau tersebut di negara ini.  
Apakah tindakan-tindakan yang perlu anda ambil untuk mengatasi masalah tersebut?  
[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Alias tergamam. Sambil tersedu-sedu sebak dia duduk bercangkung perlahan-lahan melihat perut Chot yang terpengap-pengap dengan darah membuak-buak. Alias merenung pelupuk mata Chot yang masih terbuka, sangat bening renungnya, dan air mata yang tergenang mula mengalir perlahan ke bulu-bulunya.

Alias bukan seorang doktor. Dia mengubati dengan menangis dan memeluk Chot. Sayangnya Chot tidak sembuh. Chot dengan lemah memegang tangan Alias tetapi terlepas. Chot memuncung mulutnya tetapi tidak dapat mencium pipi Alias. Chot merapatkan pelupuk matanya, memberitahu dia sangat sakit tetapi Alias tidak sedar.

Dipetik daripada novel *Chot*  
karya Azizi bin Haji Abdullah,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 2**

“Ke manakah engkau pergi, Oren?” soalnya sambil mengusap-usap belakang kucingnya itu, dia kehairanan kerana bulu Oren terjaga bersih walaupun telah beberapa hari kucingnya itu tidak pulang ke rumah seolah-olah ada orang yang membersihkannya.

Kemudian, dia membawa Oren ke dapur. Dia mengambil susu dari peti dan disuanya kepada Oren, namun Oren hanya membiarkan susu itu. Dengan manjanya Oren kembali kepadanya sambil menggesekkan badan di kakinya. Selepas itu, dia kembali mendukung Oren. Oren memandangnya dengan lembut. Lantas dia mencium pipi Oren. Perbuatannya itu tidak pernah dilakukannya sebelum ini walaupun kepada Kelabu.

Dipetik daripada cerpen ‘Oren’  
oleh Saifullizan Yahaya  
antologi *Kuingin Berterima Kasih*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 3****Kijang yang Lelah**

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema  
Ketika temulang kudratnya bergetar  
di tengah rimba  
Dia tidak lagi mampu menobat takhta  
Mengorak langkah di tanah menghijau

Saat ini  
Sebak menyentap dahan kalbu  
Dedaun rendah resah mula berguguran  
Pepohon batin akhirnya tumbang  
Akarnya menguncup di perdu harap

Hari ini  
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki  
Menghambat waktu yang bersisa  
Walau dalam jera lelah  
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga

**Wan Marzuki Wan Ramli**

- (i) Berdasarkan **rangkap 1 Bahan 3**, bagaimanakah keadaan kijang seperti digambarkan dalam sajak di atas? [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, berikan tindakan tuannya terhadap haiwan yang dipeliharanya. [3 markah]
- (iii) Kebelakangan ini, banyak kucing jalanan terbiar di sekitar kawasan perumahan dan pasar sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk menangani masalah ini?

[4 markah]

- (iv) Anda sedang berehat di kantin sekolah dan terpandang beberapa orang murid sedang memukul seekor kucing terbiar di bawah sepohon pokok.

Sebagai murid yang prihatin, kemukakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan bagi menyelamatkan kucing yang malang itu.

[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Pagi tadi dia okey ke?” soal Aqram lagi. Nafasnya semakin laju, dicengkam rasa cemas.

Saat itu baru Shida teringat kelakuan Farisha yang agak aneh ketika mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya. Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa. Dia hanya duduk diam di dalam kereta. Shida tidak tahu sama ada dia jaga atau terlena kerana dia mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar, sesuatu yang jarang dilakukannya. Bibirnya kelihatan pucat tetapi Shida tidak berani hendak menegur.

“Farisha tidak ceria pagi tadi. Tapi saya tak tahu sebabnya.” Shida merenung mata Aqram. Baru dia perasan betapa sempurnanya penampilan lelaki itu.

Dipetik daripada novel  
*Di Sebalik Dinara*  
oleh Dayang Noor,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan keadaan-keadaan Farisha seperti yang digambarkan oleh Shida.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
- Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Nor
- Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- Songket Bebenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- Tirani*, karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari*, karya Sri Rohayu Mohd Yusop
- Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam masyarakat.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1**

Membaca merupakan aktiviti yang amat berfaedah. Walau bagaimanapun, ramai orang membaca buku hanya untuk mengisi masa lapang. Sebenarnya, amalan membaca amat penting bagi kita semua kerana dengan membaca akan dapat melahirkan generasi yang berfikiran kritis dan matang. Kita mestilah memupuk budaya membaca kepada kanak-kanak dan remaja zaman sekarang. Budaya membaca bukan sahaja dapat membina generasi yang kritis malah pembudayaan amalan itu akan dapat mempercepat usaha untuk membentuk negara kita agar lebih maju dan pesat membangun seperti negara Jepun dan Korea Selatan. Hasil daripada membaca sesuatu makalah mampu memberikan pengalaman baru yang dapat diaplikasikan dalam urusan harian.

Secara tuntas, ada benarnya jika dikatakan bahawa masyarakat di negara kita belum boleh menjadi simbolik masyarakat pembaca. Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan peningkatan kadar buta huruf dalam pelbagai lapisan masyarakat dan usia di negara ini. Kajian menunjukkan kekangan masa sering membataskan masyarakat daripada membaca. Selain itu, masyarakat sekarang terlalu obsesi terhadap media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *X*, *YouTube*, *ChatGPT* dan *TikTok*.

Menurut satu kajian, seorang rakyat Malaysia hanya membaca 15 buah buku setahun dan hanya memperuntukkan kurang tiga jam seminggu untuk aktiviti membaca kerana mereka tidak mengetahui kepentingan membaca. Sepatutnya masyarakat perlu menyedari bahawa dengan membaca boleh meluaskan perbendaharaan kata seseorang. Oleh itu, kita perlu melakukan anjakan paradigma seiring dengan kemajuan dunia pada hari ini. Jika ada usaha bersungguh-sungguh ke arah itu, mungkin pada suatu hari nanti kita pun akan berubah dan menjadi seperti masyarakat Barat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Minat Membaca Makin Kurang'  
oleh Razak Rashid Ghows,  
*Berita Harian*


**Bahan 2****Pantun Amalan Membaca**

Berkayuh sampan mudik ke hulu,  
Sampan berlabuh di tepi jeti;  
Amalan membaca dipupuk selalu,  
Ilmu bertambah terangnya hati.

Padi serumpun dimakan pipit,  
Padi ditanam di kaki gunung;  
Liat membaca fikiran sempit,  
Bagai katak di bawah tempurung.

Terbang camar membelah lautan,  
Dicelah awan petang nan suram;  
Amalan membaca jika diamalkan,  
Pintar bicara serata alam.

**Azizah, Penang**

**Bahan 3**

## SET 2

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 markah]**

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti, kenal pasti **kata kerja pasif**. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap **kata kerja pasif** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Baju Melayu dan baju kurung tidak sekadar pakaian biasa yang diperagakan ketika hari-hari tertentu, tetapi lebih daripada itu merupakan cerminan jati diri dan budaya negara. Melalui budaya, pembangunan komuniti dan ekonomi dapat dipertingkatkan. Ekonomi yang berasaskan budaya ini mampu menghadirkan kemakmuran yang lebih baik kepada negara. Sebagai rakyat Malaysia, pakaian kebangsaan ini dijadikan pakaian harian dan kita seharusnya berbangga dengannya. Sekiranya budaya tradisi ini tidak diamalkan, jadi tiada sebarang keistimewaan pada busana yang telah diangkat sebagai pakaian kebangsaan. Oleh itu, marilah kita bersama-sama melestarikan warisan dan tradisi negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 'Serlahkan Pakaian Kebangsaan sebagai Identiti Nasional'  
 oleh Hisyam Basabah  
*Dewan Masyarakat, Bil 10/2024*

[8 markah]

- 2** *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut.*

Industri buah-buah tempatan mendapat permintaan yang tinggi dari luar negara. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan dengan kerjasama syarikat swasta memperkenalkan buah-buahan tempatan ke peringkat antarabangsa. Pesta makan durian dan pesta buah-buahan peringkat antarabangsa merupakan satu landasan untuk memajukan industri buah-buahan tempatan. Selain keinginan untuk meluaskan pasaran industri buah buahan tempatan, hasil buah yang berkualiti juga perlu dijaga. Pihak kerajaan sentiasa menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan kualiti buah-buahan tempatan seperti kaedah kultur tisu dan pengklonan. Setiap buah-buahan mempunyai kebaikan dan kelebihannya tersendiri. Kita perlu mendahulukan buah-buahan tempatan berbanding buah-buahan import. Kepelbagai resipi yang diadun bersama dengan buah-buahan tempatan akan memajukan industri ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 'Sokongan Pengguna dan Industri, Membela Petani'  
 Oleh Siti Nurathirah Abu Hassan,  
*Bernama Disember 2022.*

[6 markah]

- 3 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

### Bahan 1

Gerbang pendidikan maya di negara kita dapat meningkatkan lagi pembelajaran pelajar sekolah rendah dan menengah, khususnya di luar bandar. Laman web berkenaan yang menawarkan kandungan pembelajaran interaktif membolehkan pelajar mengulangkaji pelbagai mata pelajaran dengan mudah dan menarik daripada mana-mana lokasi. Pelajar juga berpeluang untuk menambah kemampuan diri melalui soalan latihan, panduan jawapan serta penyelesaian yang menyeronokkan. Melalui cara ini, usaha untuk melahirkan pelajar yang cermelang dapat ditingkatkan. Program pembelajaran maya ini akan diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negara.

*Sumber Internet*

[5 markah]

### Bahan 2

Sabtu tahun media masa melaporkan pelbagai kes disiplin di sekolah termasuklah kes buli. Kejadian buli yang semakin meningkat ini memberikan kesan kesihatan fizikal dan psikologi terhadap mereka yang dibuli, malah dalam sesetengah kes turut melibatkan kematian. Senario ini jelas menunjukkan bahawa tingkah laku buli dan gangsterisme berupa perlakuan ganas dan agresif yang melibatkan aspek psikologi, fizikal, dan lisan dilakukan secara individu atau berkumpulan terhadap pihak atau individu yang lemau. Buli dipercayai mempunyai perkaitan dengan gabungan faktor persekitaran sosial seperti kurangnya kawalan ibu bapa dan kurangnya kasih sayang. Selain itu, aspek psikologi yang terkaitan dengan gangguan mental, iaitu ingin mencari keseronokan dan mencapai kepuasan dengan membuli lain orang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Menangani Kes Buli di Sekolah,  
oleh Samat Buang,  
*Dewan Siswa*, Bil. 9

[5 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Maka kata Awi Dicu, “ Benarlah seperti kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikut oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalinan akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuannya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Dipetik daripada  
Burung Terbang Dipipiskan Lada,  
antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian senaraikan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Belum sempat penduduk kampung Kuala Sungai Baru memasuki kediaman mereka yang terjejas susulan insiden kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya baru-baru ini sekali lagi mereka menerima ujian apabila banjir kilat telah melanda kampung mereka sehingga terpaksa berpindah ke pusat penempatan banjir. Sedih dengan ujian yang menimpa namun mereka mengakui reda dan akan terus bersabar dengan ujian yang dilalui oleh mereka. Kebanyakan penduduk tidak sempat membawa apa-apa barang dan hanya memakai pakaian di badan sahaja. Ujian yang dialami oleh penduduk ini turut memberikan kesan kepada masyarakat Malaysia dan mereka bekerjasama untuk membantu mangsa yang ditimpa bencana.

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 markah]**

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Bidang sukan dilihat masih mampu menjadi landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum. Perkara ini bukanlah satu retorik tetapi satu realiti yang telah berlaku. Sukan memainkan peranan penting sebagai agen perpaduan yang terbukti dapat menyatukan rakyat. Biarpun berlainan fahaman politik, perbezaan agama dan bangsa namun ketika menyokong pasukan negara yang bertanding, tembok yang tebal itu boleh dihapuskan. Sebagai contoh, apabila pasukan Harimau Malaya bertanding, semua sempadan terhapus dengan sendirinya kerana kita memberi fokus agar kemenangan dapat dicapai.

Aktiviti bersukan dapat mengeratkan silaturahim dan pada masa sama menerapkan disiplin dan integriti dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, melalui sukan kita diajar untuk menghormati kaum lain dan menanam rasa cinta akan negara. Selain itu, sukan juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang berkesan ketika aktiviti bersukan dijalankan antara pelbagai lapisan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Sukan Mampu Pupuk Perpaduan Kaum’  
 oleh Merak Jalanan  
*Sinar Harian*, Disember 2019

**Bahan 2**

Menurut Timbalan Dekan Fakulti Sains Sukan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Raja Mohamed Firhad, sukan bukan sahaja menjadi *lambang kebanggaan* kepada negara apabila atlet sukan negara mencipta nama di peringkat dunia namun mampu menyatukan masyarakat majmuk dan menjadi agen perpaduan di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan sukan sejak dulu sehingga hari ini tidak didominasi oleh sesuatu kaum sahaja. Semua kaum ada dalam sesebuah pasukan sebagai pemain, jurulatih mahupun pengurus. Mereka bersatu hati untuk menaikkan nama negara dalam sukan yang diceburi tanpa mengira kaum dan agama.

Menurutnya lagi, penyatuan semua kaum juga dapat dilihat ketika mereka memberi sokongan kepada pasukan negara dalam sesuatu pertandingan. Mereka datang daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan dan sebagainya untuk memberi sokongan. Suasana ini secara tidak langsung akan meningkatkan integrasi kaum melalui aktiviti sukan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://www.sinarharian.com.my>

**Bahan 3**

Ya, Amin. Selain dapat membentuk disiplin, sukan juga berperanan melahirkan semangat kekitaan dalam pasukan untuk meraih kemenangan.

Aktiviti berjoging yang kita lakukan ini dapat membentuk disiplin diri kita.



Sumber: *Internet*

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *lambang kebanggaan*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan peranan sukan dalam memupuk perpaduan kaum di negara kita.  
[3 markah]
- (iii) Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum, perpaduan merupakan perkara penting dan harus dikekalkan. Sekiranya berlaku pergaduhan dalam masyarakat, hal ini akan memberi kesan yang sangat buruk kepada negara.  
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan buruk yang berlaku kepada negara tersebut?  
[3 markah]
- (iv) Ketika waktu rehat di sekolah, anda melihat seorang rakan anda berbangsa lain sedang termenung di dalam kelas. Anda bertanyakan sebab dia berkeadaan sedemikian. Dia memberitahu bahawa keluarganya menghadapi masalah kewangan yang serius selepas kematian ayahnya.  
Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah anda dapat menyelesaikan masalah tersebut?  
[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1****Pahlawan dan Tanah Air**

Pahlawan sejati  
Dalam hatinya bernyanyi  
    Tanah air dan bangsa  
Di mana terpaut cinta mulia  
Untukmu darah ini mengalir  
    Padanya jasad ini cair.

**Usman Awang 1958**

**Bahan 2**

Jam sudah menunjukkan pukul 6.00 pagi. Fajar sudah menyinsing. Cahaya matahari sudah menyingkap tabir subuh memancarkan sinaran paginya ke arah Bukit Kepong. Bukit Kepong mulai terang. Tembakan kedua-dua pihak terus hebat. Pasukan Sarjan Jamil Mohd Shah masih kuat bertahan, pasukan komunis masih gagal masuk ke kawasan kompleks polis.

Tiba-tiba Sarjan Jamil Mohd Shah dan anak buahnya mendengar bunyi bungle ditiupkan pada kali ke dua. Bunyi tembakan musuh mula mereda, kemudian terus senyap. Tiba-tiba suara parau berkumandang di udara melalui satu corong pembesar suara.

“ Polis, oii polis, menyerah!”jerit Madera.

“ Polis, baik menyerah! Awak semua sudah terkepung!”jerit Madera sekali lagi.

“ Polis tidak menyerah, kami tidak akan menyerah!” jerit Othman Yusuf penuh semangat. Jeritan Othman Yusuf menaikkan bulu rompa rakan-rakannya. Sarjan Jamil Mohd Shah dan anak buahnya akur sahaja dengan jawapan Othman Yusuf tadi.

“ Kita ke sini bukan untuk menyerah, kita menjalankan amanah dan tanggungjawab!” jerit kuat Sarjan Jamil Mohd Shah.

Dipetik daripada  
*Bukit Kepong* oleh Ismail Johari  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 3****Gurindam Kesatriaku**

Di medan perang berani melangkah,  
Kesatriaku sejati tak pernah terasa lelah.  
Kedaulatan bangsa dijunjung tinggi,  
Dengan hati bersih dan teladan diri.  
Pedang terhunus menegakkan keadilan,  
Tidak gentar pada lawan,  
Di tengah badai, teguh berdiri,  
Kesatriaku berjuang demi insani

**Bunga Kemboja**

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, gambarkan suasana Bukit Kepong sebagaimana yang digambarkan dalam drama di atas?

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kriteria-kriteria perwira bangsa.

[4 markah]

- (iii) Pejuang tanah air dikenang kerana pengorbanan dan usaha mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan, keadilan dan kebebasan negara.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengenang jasa mereka?

[3 markah]

- (iv) Semasa sesi pembelajaran di sekolah, guru menerangkan kepentingan perpaduan kaum kerana masyarakat di negara kita terdiri daripada berbilang bangsa, iaitu bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Perpaduan kaum di negara kita perlu dikekalkan kerana kita tidak mahu sejarah hitam pada 13 Mei 1969 berulang.

Sebagai seorang murid yang cinta akan keamanan negara, bagaimanakah cara untuk memastikan perkara tersebut dapat dikekalkan?

[4 markah]

**8** Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dari satu sudut di luar pandangan mata pegawai sains yang bertugas di Balai Cerap Sultan Salahuddin Muhammad Taufik sedang memerhatikan gadis itu berhadapan dengan serangan daripada kumpulan pemerhati bintang cilik itu dan pengiring-pengiring mereka. Gadis itu sederhana tinggi. Susuk tubuhnya tidak terlalu kurus dan tidak pula berisi. Tubuhnya sedang-sedang sahaja. Ada bayang-bayang lasak walaupun gadis itu mengenakan baju kurung dan blazer kerana dia masih dalam suasana bekerja. Dia tahu bentuk kening gadis itu. Matanya berbentuk nipis tetapi irisnya besar. Kulitnya sawo matang tetapi nampak cerah sedikit apabila bersolek. Satu perkara yang paling disukainya, selendang hitam yang dipakai oleh Nurul Hafsa. Selendang berwarna hitam dengan manik-manik kristal dengan biasan tujuh warma pelangi yang bergemerlap dalam gelap.

Dipetik daripada  
novel *Bimasakti Menari*  
oleh Azmah Nordin,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan gambaran fizikal Nurul Hafsa pada pemerhatian Muhammad Taufik.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- c) *Jendela Mengadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- e) *Songket Bebenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan cadangkan penyelesaiannya.

[6 markah]

- 9** *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

### Bahan 1

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang tanggungjawab kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang tanggungjawab sebenar kaunselor dan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang kaunselor. Kaunselor mestilah mempunyai sifat empati dalam setiap masalah yang dihadapi oleh murid tetapi bukannya sifat simpati. Sifat empati menunjukkan kebolehan kaunselor untuk memasuki ruang rujuk atau dunia murid dan turut memberarkan kaunselor mengalami proses mental dan emosi yang dialami oleh mereka. Dalam hal ini, tanggungjawab kaunselor adalah untuk menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi tersebut, di samping memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Kaunselor sebenarnya bertanggungjawab untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan sebaliknya.

Kaunselor mestilah mempunyai sifat keterbukaan dalam sesi kaunseling dengan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dapat menggalakkan murid untuk bebas meluahkan pemikiran dan perasaan yang dihadapinya. Kaunselor juga mestilah mempunyai kebolehan dalam mengendalikan sesi kaunseling. Hubungan ini dapat diwujudkan berdasarkan hubungan kepercayaan antara kaunselor dengan klien. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai murni ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Memanfaatkan Khidmat Kaunselor'  
Oleh Nadiah Naufal  
*Dewan Siswa, April 2012*

### Bahan 2

Secara umumnya, untuk menjadi seorang kaunselor yang berjaya di sekolah adalah tidak mudah kerana mereka mestilah mempunyai ciri-ciri yang profesional dalam mengendalikan sesi kaunseling. Dalam mengendalikan sesi, proses kaunseling yang berkesan telah dikenal pasti mempunyai kaitan dengan sifat-sifat kaunselor yang mempunyai kemahiran-kemahiran kaunseling. Kaunselor harus memahami segala kemahiran yang dipelajari dan tahu mengaplikasikannya kepada murid. Sekiranya kemahiran yang diaplikasikan tidak sesuai digunakan, hal ini akan mempengaruhi seluruh proses kaunseling. Selain mempunyai kemahiran, seorang kaunselor yang berjaya juga harus mempunyai personaliti yang baik. Contoh personaliti kaunselor yang baik adalah seperti mesra, jujur, menerima tanpa syarat dan berempati.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
'Ciri-Ciri Kaunselor Profesional'

**Bahan 3**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

**MODUL  
INTERVENSI PEMBELAJARAN  
SPM 2025**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**PANDUAN JAWAPAN KERTAS 1**

**SET 1**

**Bahagian A**

**Usaha-usaha membendung penyakit kronik dalam kalangan masyarakat.**

- Bahan 1 – Definisi penyakit kronik
- Bahan 2 – Amalkan gaya hidup aktif / bersukan / riadah
- Bahan 3 – Amalkan pemakanan seimbang (suku-suku separuh)

Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

**Bahagian B**

1. Peranan pelbagai pihak untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.
  - Peranan individu mendekatkan diri kepada Tuhan
  - Peranan ibu bapa mendidik akhlak anak-anak
  - Peranan masyarakat melaporkan kesalahan
  - Peranan pihak sekolah melaksanakan pelbagai aktiviti
  - Peranan media massa dan media sosial
  - Peranan pihak kerajaan mengenakan denda
2. Faktor-faktor masalah kegemukan rakyat Malaysia yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain.
  - Tabiat makan pada lewat malam ( idea petikan )
  - Kurang pengambilan makanan seimbang.
  - Kurang bersenam.
  - Idea lain yang sesuai diterima.
3. Kelebihan-kelebihan menguasai bahasa asing (Dalam petikan Sahaja)
  - Membuka peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara.
  - Memudahkan mereka berkomunikasi ketika melancong.
  - Membina rangkaian kenalan di serata dunia.
4. Langkah-langkah semua pihak untuk menangani isu beg berat dalam kalangan murid.
  - Pihak sekolah menyediakan loker atau almari di sekolah/ dalam kelas
  - Kerajaan melaksanakan penggunaan buku teks digital /elektronik
  - Menghadkan buku latihan / buku kerja
  - Penyusunan semula jadual waktu

## SET 2

### Bahagian A

Calon perlu menghuraikan **punca / faktor / sebab / kesesakan lalu lintas di Malaysia**. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :

Bahan 1 – Petikan akhbar tentang masalah kesesakan lalu lintas

Bahan 2 – Kereta yang banyak

Bahan 3 – Sikap Pemandu

Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.

### Bahagian B

1. Peranan semua pihak membendung masalah keruntuhan akhlak
  - Kerajaan
  - Ibu bapa
  - Masyarakat
  - Sekolah
  - Media massa
2. Kelebihan-kelebihan aktiviti sukarelawan
  - Mengelakkan belia terbabit dengan kegiatan tidak bermoral – Dalam Stimulus
  - Peluang untuk belia mempelajari kemahiran dan pengetahuan baharu
  - Meningkatkan kemahiran komunikasi dengan masyarakat setempat
3. Langkah yang terdapat dalam petikan dan langkah-langkah lain bagi membendung penyakit berjangkit di negara kita:
  - Masyarakat mestilah menjaga kebersihan diri
  - Masyarakat meningkatkan imuniti badan (pemakanan, vaksin)
  - Pihak kerajaan mengawal kemasukan pelancong dan buruh asing
  - Menjaga kebersihan persekitaran dan tempat tinggal
  - Melaksanakan program kesihatan di sekolah
4. Faktor-faktor masyarakat meminggirkan makanan tradisional
  - Terlalu mengagungkan makanan luar negara (dalam stimulus)
  - Masyarakat Malaysia tidak berbangga dengan makanan tradisional/ menganggap makanan tradisional ketinggal zaman.
  - Proses pembuatan makanan tradisional yang rumit
  - Kurang pendedahan daripada ibu bapa tentang makanan tradisional
  - Makanan tradisional sukar diperoleh di kawasan bandar

## PANDUAN JAWAPAN

### Modul Intervensi Pembelajaran SPM 2025

### Bahasa Melayu 1103

#### PANDUAN JAWAPAN KERTAS 2

##### SET 1

##### SOALAN 1 - MORFOLOGI

<b>Bil.</b>	<b>Kata Nama Terbitan Apitan</b>	<b>Contoh Ayat</b>
1	pengajaran	- Terlalu banyak pengajaran yang dapat diperoleh melalui pembacaan buku.
2	pembelajaran	- Pengalaman hidup merupakan satu proses pembelajaran kepada seseorang.
3	kecaknaan	- Kecaknaan ibu bapa banyak mendorong kecemerlangan seseorang murid.
4	perumahan	- Kawasan perumahan di tepi bukit itu akan mula didiami oleh penduduk pada hujung tahun nanti.
5	permasalahan	- Semua permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid perlu diselesaikan agar tidak menjasaskan pelajaran mereka.

##### SOALAN 2 - SINTAKSIS

<b>Bil.</b>	<b>Ayat Majmuk</b>	<b>Markah</b>
1	Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu sedar <b>bahawa</b> mereka berperanan sebagai pemudah cara dalam pemilihan kerjaya anak-anak pada masa depan.	2 markah
2	Ibu bapa perlu memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk membuat pilihan kerjaya <b>kerana</b> mereka mempunyai cita-cita sendiri.	2 markah
3	Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjamin kecemerlangan mereka <b>dan</b> menjanjikan kesenangan hidup pada suatu hari nanti.	2 markah

##### SOALAN 3 - PENYUNTINGAN

	<b>Kesalahan</b>		<b>Pembetulan</b>
1	dinantikan	-	dinanti-nantikan
2	mendapatkan	-	mendapat
3	kreatifviti	-	kreativiti
4	menghargai	-	memeriahkan
5	semasa ke masa	-	semasa ke semasa / masa ke masa
6	mengakis	-	menghakis
7	mewah	-	kaya
8	di antara	-	antara
9	meraikan	-	diraikan
10	di bendung	-	dibendung

**SOALAN 4 - BAHASA MELAYU STANDARD**

Laksamana menyembah, “Wahai Tuanku, , titahkanlah supaya seluruh rakyat mengangkut semua harta itu.”

Lalu Raja menitahkan Tun Kasturi, “Pergilah, Bentara untuk berjumpa dengan orang yang boleh mengangkut semua harta itu dan arahkan semua orang untuk mengangkut harta tersebut.”

Bentara pun menyembah, lalu pergi bersama-sama rakyat untuk mengangkut semua harta di Bukit Cina. Harta itu tersangat banyak. Segala harta itu dihimpunkan di halaman balairung itu, dan harta tersebut diangkut selama tujuh hari tujuh malam.

**SOALAN 5 - PERIBAHASA**

Bil.	Peribahasa	Markah
1	membaca jambatan ilmu	2
2	bagaimana acuan begitulah kuihnya / bapa borek, anak rintik / ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi	2
3	duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	2

**SOALAN 6 – PEMAHAMAN PETIKAN UMUM****Markah****(i) Maksud *memanfaatkan kepakaran***

P1 Menggunakan/melakukan/menjadikan/kemahiran/kepandaian/keahlian/keilmuan 2

P2 Menggunakan/melakukan/menjadikan/ kepakaran 1

P3 memanfaatkan kemahiran/kepandaian/keahlian/keilmuan 1

**[Maksimum : 2 Markah]****(ii) Kelebihan-kelebihan****Bahan 1**

P1 meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar

P2 untuk memulihara sumber alam semula jadi bagi menangani impak negatif aktiviti manusia

**Bahan 2**

P3 akan menghapuskan masalah pembaziran guna tenaga secara menyeluruh

P4 berfungsi untuk mengawal peralatan elektrik utama

**Bahan 3**

P5 dapat meningkatkan produktiviti dan kepuasan pekerja

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 4 Markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**(iii) Punca-punca**

- P1 kurang promosi/kurang iklan/kurang pendedahan
- P2 memerlukan kos/kewangan/modal yang tinggi
- P3 risiko yang tinggi
- P4 kurang galakan daripada keluarga
- P5 kurang insentif daripada kerajaan/badan tertentu

**[Maksimum : 3 Markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

**(iv) Tindakan-tindakan**

- P1 mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar/pihak bertanggungjawab
- P2 menjalinkan kerjasama dengan kerajaan/kerajaan negeri/syarikat swasta
- P3 mengkaji prospek
- P4 mempromosikan/iklan di media sosial
- P5 meningkatkan ilmu pemasaran

**[Maksimum : 4 Markah]**  
**[Isi cukup : 3 isi]**

**SOALAN 7 – PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA**

**Markah**

**(i) Keadaan kijang**

- |   |   |
|---|---|
| P1 suara tidak lagi kuat / nyaring                | 1 |
| P2 tidak berkuasa / tidak menjadi ketua           | 1 |
| P3 tenaganya semakin kurang / pergerakan terbatas | 1 |

**[Maksimum : 2 Markah]**

**(ii) Tindakan-tindakan**

**Bahan 1**

- P1 Alias merenung pelupuk mata Chot yang masih terbuka, sangat bening renungnya
- P2 menangis dan memeluk Chot

**Bahan 2**

- P3 mengusap-usap belakang kucingnya itu
- P4 dia membawa Oren ke dapur
- P5 dia mengambil susu dari peti dan disuanya kepada Oren
- P6 dia kembali mendukung Oren
- P7 dia mencium pipi Oren

**Bahan 3**

- P5 dapat meningkatkan produktiviti dan kepuasan pekerja

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

**(iii) Usaha-usaha**

- P1 pihak perbandaran perlu membina taman khas / rumah perlindungan kucing  
P2 mencari dana untuk merawat kucing liar  
P3 memohon bantuan pihak NGO / swasta bersama-sama berusaha bagi mengatasi masalah ini  
P4 mengadakan kempen kesedaran / program cinta akan kucing-kucing jalanan ini  
P5 memandulkan kucing jalanan bagi mengawal populasinya  
P6 mencari keluarga angkat untuk memelihara kucing-kucing ini  
P7 pihak media massa mendidik masyarakat agar menjadi sukarelawan dalam membela nasib kucing-kucing terbiar ini

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**(iv) Tindakan-tindakan**

- P1 menegur / menasihati murid-murid tersebut  
P2 melaporkan kes itu kepada guru tentang perbuatan mereka  
P3 mengambil kucing tersebut untuk diberi rawatan yang sepatutnya  
P4 mengalihkan kucing ke tempat yang selamat  
P5 membawa balik kucing ke rumah untuk dipelihara  
P6 meminta bantuan rakan lain untuk menyelamatkan kucing

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**SOALAN 8 - NOVEL**

**(i) Keadaan Farisha seperti yang digambarkan oleh Shida**

- P1 Kelakuan Farisha yang agak aneh ketika mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya  
P2 Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa.  
P3 Dia hanya duduk diam di dalam kereta  
P4 Bibirnya kelihatan pucat  
P5 Farisha tidak ceria

[Isi cukup : 3 isi]

[Maksimum: 4 markah]

- (ii) semangat juang yang tinggi dalam kalangan masyarakat

### Novel Pantai Kasih

1. Doktor Raiha berjuang bermati-matian untuk memastikan anak dalam kandungannya selamat dilahirkan walaupun telah dipaksa oleh Doktor Sadiz supaya menggugurkan kandungannya itu setelah mendapati janin tersebut cacat melalui ujian ultra bunyi.  
**Huraian :** Pengorbanan seorang ibu sangat luar biasa kerana beliau sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk memastikan anak dalam kandungan selamat dilahirkan walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan.
  
2. Doktor Raiha sanggup mengambil alih tanggungjawab membedah sendi tulang pinggul kali keenam ke atas Unong Siron bagi memastikan pesakit itu sembah walaupun pembedahan yang telah dilakukan oleh Doktor Uwang selama ini tidak berjaya.  
**Huraian :** Pengamal perubatan yang dedikasi tidak akan berhenti berjuang untuk menyembuhkan pesakitnya walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dalam urusan rawatan tersebut.
  
3. Doktor Uwang gigih membangunkan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) yang bermula dari pusat rawatan yang kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan ekslusif yang terkemuka dengan menempatkan doktor yang hebat dan berpengalaman seperti Doktor Raiha.  
**Huraian :** Seseorang itu perlu berjuang dari bawah untuk memajukan perniagaannya dengan melakukan pelbagai strategi yang berkesan.
  
4. Peristiwa Doktor Raiha berjuang bersungguh-sungguh untuk memastikan dia berjaya menjadi pakar bedah walaupun mendapat bangkangan daripada bapanya yang tidak bersetuju dengan pilihannya.  
**Huraian:** Seseorang itu perlu berjuang dengan kental untuk mencapai cita-citanya walaupun terpaksa melukakan perasaan orang yang tersayang.

*Peristiwa yang menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam masyarakat yang lain boleh diterima sekiranya relevan.*

- (ii) semangat juang yang tinggi dalam kalangan masyarakat

### Novel Bimasakti Menari

1. Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johan Arlington-Majid. Muhammad Taufik sanggup berjumpa dengan penculik Nurul Hafsa di stesen minyak Petronas untuk menyelamatkan Nurul Hafsa sehingga dirinya cedera dipukul oleh penculik tersebut.  
**Huraian :** Seseorang itu sanggup mengambil risiko untuk menyelamatkan kawannya walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran.

2. Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman telah berjuang untuk melestarikan alam sekitar. Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang. Mereka telah berusaha mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara.

**Huraian :** Perjuangan melestarikan alam sekitar mesti dilakukan dengan pelbagai cara dan memerlukan sokongan pelbagai pihak demi generasi akan datang.

3. Muhammad Taufik berjuang bersungguh-sungguh untuk mengembalikan populasi kelip-kelip tanpa mengganggu ekosistem kelip-kelip dengan mengusahakan projek perumahan Ikhtiar Tekno Alam sehingga mendapat tentangan hebat daripada Dato Johan-Arlington Majid.

**Huraian :** Kita mesti berjuang dengan pelbagai cara untuk melestarikan alam sekitar walaupun tidak disenangi oleh pihak tertentu.

*Peristiwa yang menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam masyarakat yang lain boleh diterima sekiranya relevan.*

### SOALAN 9 – RUMUSAN

#### Pendahuluan [2 markah]

**Markah**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | ... membincangkan <b>manfaat-manfaat / kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan</b> / amalan membaca dan <b>sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca</b> masyarakat kurang membaca. | 2 |
| P2 | ... membincangkan <b>manfaat-manfaat / kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan</b> / amalan membaca.  | 1 |
| P3 | ... membincangkan <b>sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca</b> masyarakat kurang membaca.   | 1 |

#### Isi [16 markah]

##### FOKUS 1 : manfaat-manfaat / kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan

#### Bahan 1

- |    |   |   |
|----|---|---|
| A1 | Mengisi masa lapang   | 2 |
| A2 | Melahirkan generasi yang berfikiran kritis dan matang.  | 2 |
| A3 | Mampu memberikan pengalaman yang baru yang dapat diaplikasikan dalam urusan harian yang tertentu. | 2 |
| A4 | Boleh meluaskan pembaharaan kata, memberi motivasi dan nilai tambahan kepada seseorang individu   | 2 |

#### Bahan 2

- |    |  |   |
|----|--|---|
| B1 | Menambahkan ilmu / pengetahuan (Ilmu bertambah)          | 2 |
| B2 | Petah berkata-kata / bercakap / berhujah (Pintar bicara) | 2 |

**Bahan 3**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| C1 | Membaca bagus untuk kesihatan mental, boleh kurangkan stres dan bantu kita tenangkan fikiran. | 2 |
| C2 | Boleh tingkatkan daya imaginasi.  | 2 |
| C3 | Kita boleh bayangkan suasana dan watak yang diceritakan.                                      | 2 |

**FOKUS 2 : sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca**

**Bahan 1**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| D1 | Kekangan masa  | 2 |
| D2 | Masyarakat sekarang lebih menggemari teknologi gajet, media baharu, permainan video, aplikasi jaringan sosial melalui telefon pintar | 2 |
| D3 | Aktif di dalam halaman media sosial  | 2 |

**Bahan 3**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| E1 | Ramai yang menganggap bahawa membaca itu membosankan | 2 |
| E2 | kurang pendedahan daripada ibu bapa.                 | 2 |

**Kesimpulan [2 markah]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, <b>amalan membaca</b> perlu dipupuk agar dapat melahirkan masyarakat berilmu. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, <b>amalan membaca</b> perlu dipupuk.  | 1 |

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**SET 2**

**SOALAN 1 – MORFOLOGI**

Bil.	Kata kerja pasif	Ayat
1	diperagakan	- Fesyen ciptaan pengubah pakaian terkenal itu diperagakan oleh para peragawan
2	dipertingkatkan	- Penggunaan bahasa Melayu dalam teknologi maklumat perlu dipertingkatkan.
3	dijadikan	- Buah kelapa boleh diproses untuk dijadikan minyak masak
4	diamalkan	- Saya berminat untuk mengetahui budaya yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di negara ini.
5	diangkat	- Mesyuarat bersetuju mengesyorkan Rosli dilantik sebagai setiausaha.

**SOALAN 2 – SINTAKSIS**

Bil	Ayat aktif kepada ayat pasif
1	Buah-buahan tempatan diperkenalkan (oleh) pihak kerajaan dengan kerjasama syarikat swasta ke peringkat antarabangsa.
2	Penyelidikan untuk meningkatkan kualiti buah-buahan tempatan sentiasa dijalankan (oleh) pihak kerajaan.
3	Buah-buahan tempatan perlu kita dahulukan berbanding buah-buahan import.

[Maksimum : 6 markah]

**SOALAN 3 – PENYUNTINGAN**

**Bahan 1**

	Kesalahan	Pembetulan
1	meningkatkan lagi pembelajaran	- meningkatkan pembelajaran
2	mengulangkaji	- mengulang kaji
3	daripada mana-mana	- dari mana-mana
4	menambah	- menilai / mengukur / menguji
5	cermelang	- cemerlang
6	diperluaskan	- diperluas

[Maksimum: 6 markah]

**Bahan 2**

	<b>Kesalahan</b>		<b>Pembetulan</b>
1	masa	-	massa
2	gangsterisme	-	gengsterisme
3	lemau	-	lemah
4	terkaitan	-	berkaitan
5	lain orang		orang lain

[Maksimum: 5 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

<b>Deskripsi</b>	<b>Markah</b>
	<b>5</b>
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <b>tidak</b> mengikut urutan	0

**SOALAN 4 – BAHASA MELAYU STANDARD**

Awi Dicu, berkata “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali / pulang sebelum hari siang ini.”

Semua orang Siam pun kembalilah / pulanglah.

Perigi yang terdapat di Batu Pahat itu telah dibina oleh orang Siam. Lalu Bendahara Paduka Raja mengikutinya hingga ke Singapura. Bendahara pun kembali / pulang ke Melaka untuk menghadap Sultan Muzaffar Syah. Segala hal dan perkara itu telah dipersembahkan oleh Bendahara ke bawah duli sultan. Baginda pun berasa terlalu suka; lalu baginda pun mengurniakan persalinan kepada Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dan semua hulubalang yang turut serta pun dianugerahkan / dikurniakan persalinan oleh baginda, masing-masing mengikut pangkat dan kedudukan mereka.

**Maksimum : 5 markah]**

**SOALAN 5 – PERIBAHASA**

1	Sudah jatuh ditimpa tangga
2	Sehelai sepinggang
3	Berat sama dipikul ringan sama dijinjing

[Maksimum: 6 markah]

**SOALAN 6 – PEMAHAMAN PETIKAN UMUM**

	Markah
(i) <b>Maksud lambang kebanggaan</b>	
P1 simbol / tanda kemegahan	2
P2 simbol / tanda kebanggaan	1
P3 lambang kemegahan	1
	<b>[Maksimum : 2 Markah]</b>
(ii) <b>Peranan-peranan</b>	
<b>Bahan 1</b>	
P1 agen perpaduan yang terbukti dapat menyatukan rakyat.	
P2 dapat mengeratkan silaturahim	
P3 alat komunikasi yang berkesan	
<b>Bahan 2</b>	
P3 menyatukan masyarakat majmuk dan menjadi agen perpaduan di negara ini.	
P4 penyatuan semua kaum juga dapat dilihat ketika mereka memberi sokongan kepada pasukan negara dalam sesuatu pertandingan	
<b>Bahan 3</b>	
P5 berperanan melahirkan semangat kekitaan dalam pasukan	
<b>Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan</b>	<b>[Maksimum : 4 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 3 isi]</b>
(iii) <b>Kesan-kesan</b>	
P1 keharmonian negara terjejas	
P2 kestabilan politik dalam negara terjejas	
P3 konflik / rusuhan kaum / negara tidak aman	
P4 imej negara akan terjejas	
P5 ekonomi negara merosot	
P6 negara gagal menarik kedatangan pelabur asing	
	<b>[Maksimum : 3 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 2 isi]</b>
(iv) <b>Cara-cara</b>	
P1 menghulurkan sumbangan peribadi	
P2 memaklumkan hal itu kepada guru	
P3 mencadangkan guru mengadakan kutipan derma	
P4 meminta kawan-kawan untuk membantu kawan tersebut	
P5 mencadangkan kawan tersebut meminta bantuan daripada pihak luar	
P6 meminta bantuan daripada PIBG	
	<b>[Maksimum : 4 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 3 isi]</b>

**SOALAN 7 – PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA**

	Markah
(i) <b>Suasana Bukit Kepong</b>	
P1 Fajar sudah menyingsing.	1
P2 Cahaya matahari sudah menyingkap tabir subuh memancarkan sinaran paginya ke arah Bukit Kepong.	1
P3 Bukit Kepong mulai terang	1
	<b>[Maksimum : 2 Markah]</b>
(ii) <b>Kriteria-kriteria</b>	
	<b>Bahan 1</b>
P1 sanggup berjuang demi tanah air (Untukmu darah ini mengalir)	
	<b>Bahan 2</b>
P3 Tidak menyerah,	
P4 Menjalankan amanah dan tanggungjawab	
	<b>Bahan 3</b>
P5 Berani	
P6 Tidak takut berhadapan dengan musuh (Tidak gentar pada lawan)	
	<b>Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan</b>
	<b>[Maksimum : 4 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 3 isi]</b>
(iii) <b>Kepentingan-kepentingan</b>	
P1 menghargai pengorbanan	
P2 menyemai semangat patriotik	
P3 memupuk nilai murni	
P4 meningkatkan jati diri	
P5 sebagai inspirasi	
P6 sebagai motivasi	
	<b>[Maksimum : 3 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 2 isi]</b>
(iv) <b>Cara-cara</b>	
P1 menghormati budaya orang lain	
P2 menggunakan bahasa kebangsaan	
P3 menjaga sensitiviti kaum	
P4 menerapkan pendidikan awal di sekolah	
P5 mengadakan aktiviti kemasyarakatan	
	<b>[Maksimum : 4 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 3 isi]</b>

**SOALAN 8 - NOVEL**

**(i) Gambaran fizikal Nurul Hafsa**

- P1 Gadis itu sederhana tinggi
- P2 Susuk tubuhnya tidak terlalu kurus dan tidak pula berisi
- P3 Tubuhnya sedang-sedang sahaja
- P4 Matanya berbentuk nipis tetapi irisnya besar.
- P5 Kulitnya sawo matang

[**Isi cukup : 3 isi**  
**[Maksimum: 4 markah]**

8(ii)

Peristiwa yang menunjukkan masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan cadangan penyelesaian.

**Novel Pantai Kasih**

1. Peristiwa Doktor Sadiz telah membakar kereta Porshe miliknya setelah mengetahui Doktor Raiha membawa lari anaknya Rohayu ke sebuah rumah tumpangan.  
**Penyelesaian :** Doktor Sadiz sepatutnya menyelidiki terlebih dahulu kejadian yang berlaku sebelum melakukan apa-apa tindakan yang akan merugikan diri sendiri.
2. Doktor Sadiz memaksa isterinya Doktor Raiha menggugurkan kandungan setelah mendapati kandungan itu cacat. Doktor Sadiz telah mengarahkan isterinya menggugurkan kandungan kerana diyakininya kandungan tersebut akan menjatuhkan maruahnya sebagai seorang doktor pakar.  
**Penyelesaian :** Seorang bapa mesti bertanggungjawab terhadap anak yang dilahirkan walaupun anak tersebut tidak sempurna kerana anak tersebut merupakan amanah yang sangat bernilai.
3. Doktor Uwang telah menggunakan alat ganti sendi tulang pinggul Unong Siron yang murah dan tidak berkualiti kerana ingin mendapatkan keuntungan. Tindakan Dr. Uwang ini telah menyebabkan Unong Siron terpaksa dibedah sebanyak enam kali akibat infeksi ekoran alat ganti tersebut.  
**Penyelesaian :** Seorang pengamal perubatan mesti amanah dalam kerjayanya dengan memastikan pesakitnya dirawat menggunakan peralatan yang terbaik bukannya memikirkan keuntungan semata-mata.

*Peristiwa yang menunjukkan masyarakat mementingkan diri sendiri dan cadangan penyelesaiannya yang lain boleh diterima sekiranya relevan.*

Peristiwa yang menunjukkan masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan cadangan penyelesaian.

### Novel Bimasakti Menari

1. Dato' Johann Arlington-Majid sanggup mengupah orang untuk menculik Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik kerana dendamnya terhadap Tan Sri Muhamimin yang berjaya mendapat tender dan memiliki Puan Mariam Wickham.

**Penyelesaian :** Dato' Johann Arlington-Majid sepatutnya jangan membabitkan orang lain demi dendamnya terhadap Tan Sri Muhamimin, sebaliknya berusaha melupakan peristiwa yang berlaku demi kebaikan semua pihak.

2. Dato' Johann Arlington-Majid cuba mengganggu dan membuat kecoh semata-mata untuk menggagalkan pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap oleh Nurul Hafsa kerana bimbang jika projek tersebut berjaya dilaksanakan, lampu jalan yang dibekalkan oleh syarikatnya akan terhenti.

**Penyelesaian :** Pengawal keselamatan mesti memanggil pihak polis secepat mungkin supaya mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba mengganggu ketenteraman awam.

3. Dato Johann telah mengupah konco-konconya untuk mengawasi pergerakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bagi memastikan projek Kawasan Simpan Langit Gelap tersebut tidak dapat dilaksanakan bagi memastikan dia dapat meneruskan operasi syarikatnya demi keuntungan peribadi.

**Penyelesaian :** Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik mesti melaporkan sesuatu yang mencurigakan kepada pihak polis supaya projek Kawasan Simpanan Langit gelap berjaya disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

*Peristiwa yang menunjukkan masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan cadangan penyelesaian yang lain boleh diterima sekiranya relevan.*

**Soalan 9****Pendahuluan [2 markah]**

	<b>Markah</b>
P1 ... membincangkan ciri-ciri / sifat-sifat kaunselor dan tanggungjawab / peranan kaunselor	2
P2 ... membincangkan tanggungjawab / peranan kaunselor	1
P3 ... membincangkan ciri-ciri / sifat-sifat kaunselor	1

**Isi [16 markah]****FOKUS 1 : Tanggungjawab / peranan****Bahan 1**

A1 menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi	2
A2 memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi	2
A3 memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri	2
A4 memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunseling	

**Bahan 3**

B1 membantu murid membentuk peribadi menjadi lebih holistik	2
B2 memberikan bimbingan tentang kaedah menangani masalah yang dihadapi	2

**FOKUS 2 : Ciri-ciri / sifat-sifat****Bahan 1**

C1 Kaunselor mestilah mempunyai sifat empati dalam setiap masalah yang dihadapi oleh murid	2
C2 Kaunselor mestilah mempunyai sifat keterbukaan dalam sesi kaunseling dengan murid	2
C3 Kaunselor juga mestilah mempunyai kebolehan dalam mengendalikan sesi kaunseling	

**Bahan 2**

D1 mestilah mempunyai ciri-ciri yang profesional dalam mengendalikan sesi.	2
D2 memahami segala kemahiran yang dipelajari dan tahu mengaplikasikan kepada murid	
D3 mempunyai personaliti yang baik	

**Kesimpulan [2 markah]**

K1 Kesimpulannya, <b>kaunselor</b> mestilah memainkan tanggungjawab agar dapat melahirkan <b>murid</b> yang cemerlang / berdisiplin.	2
K2 Kesimpulannya, <b>kaunselor</b> mestilah memainkan tanggungjawab	1